



فلیتا بروئنی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.48 | SUBUH 4.58 | SYURUK 6.16 | DUHA 6.38 | ZUHUR 12.23 | ASAR 3.28 | MAGHRIB 6.28 | ISYAK 7.38

MANISNYA IMAN

"Dan sesungguhnya (kehidupan) negeri Akhirat itu ialah kehidupan yang sebenar-benarnya, kalaularah mereka mengetahui."

- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-'Ankabut, ayat 64



TAHUN 70 BILANGAN 43

9 APRIL 2025 / 1446 شوال 10

JABATAN PENERANGAN

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

EDISI RABU / PERCUMA

RB MERIAHKAN SAMBUTAN AIDILFITRI

Oleh : Pg. Siti Redzaimi
Pg. Haji Ahmad
Foto : Alishahrin Haji Mumin

YANG Berhormat Menteri Pembangunan selaku Pengurus Lembaga Pengarah Syarikat Penerbangan Diraja Brunei Royal Brunei (RB) dan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi semasa hadir pada Sambutan Hari Raya Aidilfitri



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 8 April. - Syawal terus disemarakkan dengan Sambutan Hari Raya Aidilfitri oleh pelbagai pihak di negara ini.

Sehubungan itu, Syarikat Penerbangan Diraja Brunei Royal Brunei (RB) tidak ketinggalan menganjurkan Sambutan Aidilfitri pada hari ini yang berlangsung di Tarindak D'Seni, di ibu negara dengan berkoncepkon rumah terbuka.

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejai Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha; Menteri Pembangunan, Yang

Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid selaku Pengurus Lembaga Pengarah RB dan Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana

Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos selaku Timbalan Pengurus Lembaga Pengarah RB.

>> Muka 2

Manfaatkan teknologi dalam pengajaran, pendidikan

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 8 April. - Perkembangan teknologi yang semakin pesat dalam era digital terutamanya dengan penciptaan teknologi Kecerdasan Buatan atau Artificial Intelligence (AI) membawa perubahan besar dalam pelbagai aspek kehidupan, pekerjaan, perniagaan, pembelajaran dan sebagainya.

Peranan AI terus berkembang sebagai alat inovatif yang membawa impak positif yang luas kepada masyarakat dan salah satu bidang yang turut menerima manfaat daripada teknologi berkenaan ialah bidang pendidikan.

Penggunaan aplikasi AI seperti 'ChatGenerative Pre-trained Transformer' (ChatGPT), bukan sahaja boleh membantu para pendidik dalam menyediakan bahan pengajaran yang lebih cekap dan efisien kepada pelajar, bahkan ia juga membantu mempercepatkan proses pembelajaran pelajar.

>> Muka 6

UBD, Universiti Curtin Malaysia meterai kerjasama akademik, penyelidikan

Siaran Akhbar : Universiti Brunei Darussalam

TUNGKU LINK, Isnin, 7 April. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Universiti Curtin Malaysia secara rasmi menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bagi memperdalam kerjasama akademik dan penyelidikan antara kedua-dua institusi.

Majlis Menandatangani MoU yang diadakan di UBD tersebut, menandakan satu peristiwa penting dalam memupuk perkongsian pendidikan dan penyelidikan rentas sempadan di rantau ini.

Menandatangani bagi pihak UBD ialah Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle

sementara bagi pihak Universiti Curtin Malaysia ialah Pro Naib Canselor dan Ketua Pegawai Eksekutif Universiti Curtin Malaysia, Profesor Dr. Vincent Lee Chieng Chen.

Turut hadir menyaksikan majlis tersebut ialah Penolong Naib Canselor (Penyelidikan, Inovasi dan Kemampanan), Dr. Haji Abdul Hanif bin Dato Paduka Haji Mahadi dan Dekan Fakulti Kejuruteraan dan Sains, Universiti Curtin Malaysia, Profesor Dr. Tuong-Thuy Vu.

>> Muka 3

BFI terima pengiktirafan IFC

Siaran Akhbar : Brunei Fertilizer Industries Sdn. Bhd.

BARCELONA, SPAIN, Selasa, 8 April. - Brunei Fertilizer Industries Sdn. Bhd. (BFI) menerima pengiktirafan IFA Industry Stewardship Champion (IFC) yang dianugerahkan oleh International Fertilizer Association (IFA), menyertai kumpulan eksklusif syarikat fertilizer di seluruh dunia yang menunjukkan komitmen yang luar biasa terhadap keselamatan, alam sekitar tanggungjawab, dan amalan mampan.

Pemangku Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Dayang Hajah Nur Raihan binti

Dato Paduka Haji Mohd. Rosli dan Ketua Operasi BFI, Pengiran Haji Muhammad Ibrahim bin Pengiran Dato Paduka Haji Abu Bakar, hadir pada Persidangan IFA Cultivating Tomorrow 2025 di Barcelona, Sepanyol untuk menerima anugerah yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pengarah IFA, Alzbeta Klein.

>> Muka 3



Berita Utama



BANTU meringankan beban mangsa bencana

Muka 4



KEDAI jahit masih jadi tumpuan ketika musim perayaan

Muka 11



HARI Raya eratkan ikatan persaudaraan

Muka 17



RENCANA

BINA masyarakat penyayang, prihatin, tanpa mengira keupayaan mereka

Muka 21

RB MERIAHKAN SAMBUTAN AIDILFITRI



SUASANA pada Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang berlangsung di Tarindak D'Seni (atas dan kanan).

>> Muka 1

Juga hadir, Ketua Pegawai Eksekutif RB, Kapten Sabirin bin

Haji Abdul Hamid, Lembaga-Lembaga Pengarah RB, rakan kongsi niaga RB, pegawai-pegawai dan kakitangan RB serta pelanggannya.

Acara seumpama itu diharap akan dapat mengeratkan lagi silaturahim dalam kalangan para hadirin yang hadir.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Alishahrin Haji Mumin



WAKTU SEMBAHYANG

APRIL MASIHI	HARI	SYAWAL HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
9	RABU	10	4.48	4.58	6.16	6.38	12.23	3.28	6.28	7.38
10	KHAMIS	11	4.48	4.58	6.16	6.38	12.23	3.28	6.28	7.38
11	JUMAAT	12	4.47	4.57	6.15	6.38	12.22	3.29	6.28	7.37
12	SABTU	13	4.47	4.57	6.15	6.37	12.22	3.29	6.27	7.37
13	AHAD	14	4.46	4.56	6.14	6.37	12.22	3.30	6.27	7.37
14	ISNIN	15	4.46	4.56	6.14	6.36	12.22	3.30	6.27	7.37
15	SELASA	16	4.45	4.55	6.14	6.36	12.21	3.30	6.27	7.37

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

RABU	KHAMIS	JUMAAT
Bandar Seri Begawan		
32 °C	32 °C	32 °C
Pekan Bangar		
33 °C	32 °C	32 °C
24 °C	24 °C	24 °C
Pekan Tutong		
32 °C	31 °C	31 °C
25 °C	25 °C	25 °C
Kuala Belait		
32 °C	31 °C	31 °C
24 °C	24 °C	24 °C
Wallauhala Bissawab		
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi		

www.mef.gov.bn

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جا بن قراغن، جا بن فردا نمنتی دان چیتقو اوله قرینت قلس سندیرین بحد، نکارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

LUPA TOKEN PSCR 2.0?



CARA PENETAPAN SEMULA (RESET) TOKEN PSC AWDA

Whatsapp Talian Perhubungan (+673 7371961)
atau E-mel (query@spa.gov.bn) serta nyatakan:

1. Nama Penuh
2. Nombor Kad Pengenalan
3. Swafoto awda dengan memegang bahagian hadapan kad pengenalan

سوره هنجای قرخمن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

SIDANG PENGARANG

9 APRIL 2025

Teruskan lakukan amalan dituntut

ALHAMDULILLAH kini kita sudah berada dalam minggu kedua bulan Syawal di mana setiap umat Islam meraikannya sebagai tanda kemenangan dan berasa bersyukur setelah menjalani ibadah puasa Ramadan. Meskipun kita sudah berada dalam bulan Syawal, setiap amalan yang diamalkan pada bulan Ramadan perlu diteruskan pada bulan Syawal dengan melakukan beberapa amalan yang dituntut seperti menunaikan puasa enam di mana pahalanya menyemai dengan berpuasa sepanjang tahun. Puasa ini boleh dilakukan secara berturut-turut mahupun secara berselang-selang hari sepanjang bulan Syawal.

Seperi mana hadis riwayat Imam Muslim, daripada Abu Ayub An-Nasaari Radiallahu Anhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda bermaksud: "Barang siapa yang berpuasa pada bulan Ramadan, kemudian diikuti dengan puasa enam hari pada bulan Syawal, seolah-olah dia berpuasa sepanjang tahun."

Pada bulan Syawal ini juga merupakan peluang untuk lebih meningkatkan lagi ibadah setelah apa yang telah dilakukan sepanjang bulan Ramadan seperti melazimi membaca Al-Quran dan tetap mengerjakan sembahyang sunat. Di samping itu, umat Islam adalah diharapkan untuk lebih meningkatkan amal kebaikan pada bulan Syawal ini dan tidak menurunkan atau kembali pada sifat yang jauh dari nilai-nilai Islam.

Sepanjang Ramadan, kita telah mendisiplinkan dan mendidik diri agar mengawal hawa nafsu serta menjaga diri daripada segala bentuk maksiat seperti maksiat mata, maksiat telinga dan maksiat lidah agar tidak merosakkan ibadah puasa. Oleh itu, segala didikan yang telah kita jalani sepanjang Ramadan tersebut hendaklah diteruskan pada bulan-bulan lainnya secara istiqamah.

Dalam kita meraikan Aidilfitri ini, hendaklah kita menyambutnya dengan bersederhana. Elakkan berbelanja berlebih-lebihan sehingga melampaui batas sehingga membebankan diri sendiri. Sambutlah hari raya ini secara bersederhana dan berhemah. Sesungguhnya agama Islam sangat menganjurkan umatnya mengamalkan kesederhanaan dan melaungkan pembaziran.

Allah Subhanahu Wata'ala mengingatkan bahawa orang yang membazir itu adalah bersaudara dengan syaitan. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam surah Al-Isra' 26-27 tafsirnya:

"Dan berikanlah kaum kerabat haknya (kebaikan dan hubungan silaturrahim) dan begitu juga orang miskin serta orang musafir (yang terputus perbelanjaannya iaitu zakat dan sedekah) dan janganlah engkau membazir (membelanjakan hartamu pada jalan yang menyalahi syarak). Sesungguhnya orang-orang yang membazir (membelanjakan harta) pada jalan yang menyalahi syarak itu ialah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat kufur kepada Tuhanmu."

Oleh itu, semoga Aidilfitri yang disambut ini akan mengeratkan lagi hubungan keluarga bersama kaum keluarga, saudara-mara, sahabat handai dan rakan-rakan kita. Apa yang penting pada hari raya ini kita saling mohon kemaafan di antara satu sama lain dan mengukuhkan lagi ukhuwah. – Ketua Penyuntingan (Rd)

UBD, UNIVERSITI CURTIN MALAYSIA METERAI KERJASAMA AKADEMIK, PENYELIDIKAN

Siaran Akbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam



NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) mewakili pihak UBD dan bagi pihak Universiti Curtin Malaysia ialah Pro Naib Canselor dan Ketua Pegawai Eksekutif Universiti Curtin Malaysia (atas dan kanan).

>> Muka 1

Perkongsian strategik ini menandakan satu langkah menarik ke arah memajukan pendidikan tinggi, penyelidikan dan latihan. Dengan menggabungkan kecemerlangan akademik dan fokus kemampuan UBD dengan inovasi dan kepakaran penyelidikan yang dipacu industri Curtin Malaysia, kerjasama ini akan membuka pintu kepada pertukaran

pelajar dan fakulti, projek penyelidikan bersama dan perkongsian pengetahuan.

Bersama-sama, kedua-dua institusi akan memacu inovasi, menangani cabaran global dan mencipta peluang pembelajaran yang berharga.

Menurut Naib Canselor UBD, perkongsian dengan Universiti Curtin Malaysia ini mencerminkan komitmen bersama terhadap kecemerlangan akademik, inovasi



dan impak serantau.

"Dengan Curtin sebagai salah satu jiran terdekat, kami melihat potensi besar dalam bekerjasama untuk memperkasakan pelajar dan penyelidik serta mencipta penyelesaian bersama yang memberi perkhidmatan kepada komuniti kami dan rantau yang lebih luas," tambahnya.

Sementara itu, Profesor Dr. Vincent Lee Chieng Chen pula menekankan kepentingan perkongsian itu adalah satu penghormatan untuk merasmikan perkongsian ini dengan UBD.

"MoU ini lebih daripada sekadar perjanjian - ia adalah visi bersama untuk kemajuan. Dengan kerjasama ini, kami akan mewujudkan peluang transformatif untuk pelajar, fakulti dan penyelidik, membentuk masa depan pendidikan dan inovasi di rantau ini," ujarnya lagi.

Kerjasama ini sejajar dengan komitmen kedua-dua institusi untuk memajukan pendidikan tinggi dan

kecemerlangan penyelidikan, memupuk penglibatan serantau dan global serta menyumbang kepada pembangunan mampan Borneo dan Asia Tenggara.

Dengan MoU ini juga, UBD dan Universiti Curtin Malaysia mengharapkan perkongsian dinamik dan berkekalan yang akan memberi manfaat kepada komuniti akademik masing-masing.

BFI terima pengiktirafan IFC



Siaran Akbar dan Foto : Brunei Fertilizer Industries Sdn. Bhd.

>> Muka 1

BFI ialah loji ammonia dan urea utama negara dan juga salah sebuah fasiliti untuk fertilizer terbesar di Asia Tenggara. Ditubuhkan pada Oktober 2013 dan dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Negara Brunei Darussalam, kilang tercanggih BFI terletak di tapak seluas 55 hektar di Taman Perindustrian Sungai Liang di Daerah Belait dan mengkhusus dalam pengeluaran dan eksport Granular Urea fertilizer.

pensijilan ISO 45001:2018 pada Disember 2024, yang mengukuhkan komitmennya terhadap kecemerlangan operasi dan pertumbuhan mampan serta sedang berusaha ke arah mencapai Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015, pensijilan Alam Sekitar ISO 14001:2015 dan pensijilan industri Lindungi dan Kekal tahun ini.

Pencapaian ini secara langsung, sejarar dengan Wawasan Brunei 2035, yang memberi tumpuan kepada memupuk ekonomi yang dinamik dan mampan, mempelbagaikan peluang dalam industri minyak dan gas hiliran, dan memupuk tenaga kerja mahir.

Pencapaian ini juga mencerminkan usaha berterusan BFI terhadap amalan terbaik dalam kelasnya, kekuatan

PEMANGKU Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Dayang Hajah Nur Raihan binti Dato Paduka Haji Mohd. Rosli dan Ketua Operasi Brunei Fertilizer Industries Sdn. Bhd. (BFI), Pengiran Haji Muhammad Ibrahim bin Pengiran Dato Paduka Haji Abu Bakar semasa menerima anugerah berkenaan.

pasukannya, dan tujuan bersama syarikat untuk membuat perubahan, dengan akar Brunei.

Industri Fertilizer terus berkembang untuk menghadapi cabaran global dan jangkaan alam sekitar. BFI kekal teguh dalam dedikasinya untuk memenuhi dan melebihi piawaian ini dan menyampaikan produk berkualiti tinggi yang menambah penyelesaian untuk menangani cabaran ini.

Pengiktirafan IFA Industry Stewardship Champion (IFC) merupakan satu pencapaian yang cemerlang, hanya diberikan kepada syarikat yang telah melengkapkan penanda aras IFA dan komited kepada piawaian Industri Fertilizer.

Piawaian ini, berakar umbi dalam pensijilan antarabangsa seperti ISO, OHSAS, dan Penjagaan Bertanggungjawab, mengukuhkan komitmen BFI untuk mengelakkan standard operasi yang tinggi sambil menyumbang kepada matlamat kemampuan Brunei yang lebih luas.

Hari itu dia ikut tanpa memakai tali pinggang keledar, tidak menyedari itu kali terakhir.

Lelaki, 6 tahun

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada Awda dan Saya

@ mkkjrbrunei

www.mkkjr.gov.bn

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia Sila muat turun **PenggunaBijak**

Smartphone Smart

Perbadanan Perancangan Economi dan Statistik
JABATAN HAL BESAR PENGURUSAN
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

BANTU MERINGANKAN BEBAN MANGSA BENCANA



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pembangunan Masyarakat

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 8 April. - Dua orang ketua keluarga telah menerima bantuan kewangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat

(JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Majlis berkenaan berlangsung di bangunan KKBS.

Seorang ketua keluarga daripada dua yang menerima bantuan kewangan hari ini adalah mangsa yang terlibat dalam kejadian rumah roboh dan seorang

PEMANGKU Pengarah Pembangunan Masyarakat semasa menyempurnakan penyampaian bantuan kewangan kepada para penerima (kiri dan kanan).

ketua keluarga terlibat dalam kejadian banjir.

Kesemua mangsa dan penghuni rumah yang terlibat dalam kejadian bencana berkenaan dalam keadaan selamat dan tidak mengalami sebarang kecederaan.

Hadir bagi menyampaikan bantuan kewangan kepada mangsa - mangsa bencana berkenaan, Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Fauziah binti Haji Mohd. Salleh.

Pemberian bantuan kewangan berkenaan adalah bagi meringankan kesusahan yang dialami oleh mangsa-mangsa bencana demi kesejahteraan mereka sekeluarga. Usaha berkenaan menunjukkan keprihatinan dan pemedulian pihak kerajaan terhadap rakyat dan penduduk yang mengalami musibah.



Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

کمترین کسیحت
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Untuk mengetahui
lebih lanjut mengenai
program pemeriksaan
kanser kolorektal,
sila jumpa* Doktor
awda hari ini atau
layari
www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

Bekalan darah rendah, kempen derma darah terus diadakan

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 April. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan orang ramai bahawa bekalan darah di Pusat Pendermaan Darah dan Tabung-Tabung Darah di seluruh negara adalah di tahap yang rendah.

Penderma darah bagi semua kumpulan darah adalah diperlukan dengan segera bagi menampung keperluan pemindahan darah di kesemua hospital di negara ini.

Sehubungan ini, Pusat Pendermaan Darah di Jabatan Perkhidmatan Makmal akan mengadakan kempen-kempen derma darah di beberapa buah tempat di negara ini.

Orang ramai adalah diseru untuk menyertai kempen tersebut dan sekali gus menderma darah bagi sama-sama membantu meningkatkan bekalan stok darah di negara ini.

Kempen akan diadakan pada Selasa, 8 April 2025, pulak 10.00 pagi hingga 2.30 petang di Lantai Bawah, OneCity Shopping Centre, Jalan Utama Salambigar, Kampung Sungai Hanching; Rabu, 9 April 2025, pulak 10.00 pagi hingga 3.00 petang di Tingkat 1, Gadong Properties Centre, Anjuran Qasya Diagnostics Services; Khamis, 10 April 2025, pulak 10.00 pagi hingga 3.00 petang di Tingkat 2, Bilik Utara, The One Mall, Jalan Laksamana Abdul Razak, Bandar Seri Begawan; dan Sabtu, 12 April 2025, pulak 10.00 pagi hingga 3.00 petang di D'Sunlit Sdn. Bhd., Tapak Perindustrian Beribi.

Orang ramai adalah juga dialu-alukan untuk datang terus ke Pusat Pendermaan Darah di Hospital Raja Isteri Pengiran Saleha (RIPAS) untuk menderma darah pada waktu bekerja bermula 8.00 hingga 11.30 pagi dan 1.30 hingga 4.00 petang.

Tempahan slot derma darah melalui aplikasi BloodKad bagi kempen derma darah adalah sangat digalakkan.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

ingin memohon kerjasama daripada orang ramai untuk melaporkan kepada Bahagian Komplians dan Perlesenan jika mendapati produk-produk berkenaan masih dipasarkan di negara ini.

Untuk maklumat dan perhubungan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Bahagian Komplians dan

Perlesenan melalui talian telefon +673 2393301 sambungan 208, menghantar e-mel kepada pharmacy.enforcement@moh.gov.bn; berjumpa terus Pegawai Komplians dan Perlesenan di Tingkat 1, Bangunan Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kampung Madaras, Mukim Gadong 'A'; atau hubungi Talian Darussalam 123.

2 produk kosmetik dicemari bahan terlarang



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 8 April. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai supaya tidak menggunakan dua produk kosmetik berikut kerana hasil daripada ujian makmal Bahagian Farmasi, Jabatan Perkhidmatan Saintifik, Kementerian Kesihatan mendapati bahawa produk berkenaan dicemari dengan bahan terlarang atau bahan racun berjadual yang tersenarai di dalam Akta Racun 1956 yang tidak diisyitiharkan.

Produk kosmetik tercemar berkenaan adalah Skin Magical Orange Cucumber Rejuvenating Kit Premium - Premium Rejuvenating Facial Toner; dan Skin Magical Orange Cucumber Rejuvenating Kit Premium -

Premium Rejuvenating Cream, kedua-duanya dibuat di Republik Filipina dan dicemari dengan Hydroquinone dan Tretinooin.

Bahan-bahan pencemar dalam produk berkenaan boleh mengakibatkan kesan-kesan mudarat yang membahayakan kesihatan.

Hydroquinone dan Tretinooin adalah bahan yang digunakan dalam ubat-ubatan yang memerlukan preskripsi bagi merawat penyakit kulit dan ia dilarang sebagai bahan di dalam produk kosmetik penjagaan kulit di bawah Peraturan Ubat (Produk Kosmetik), 2007.

Penggunaan Hydroquinone tanpa pengawasan boleh menyebabkan perubahan warna kulit, hipersensitiviti, bahagian kulit

BAHAGIAN Farmasi, Jabatan Perkhidmatan Saintifik, Kementerian Kesihatan mendapati bahawa produk berkenaan dicemari dengan bahan terlarang atau bahan racun.

yang disapu menjadi biru-hitam atau gelap serta boleh meningkatkan risiko kanser kulit.

Penggunaan Tretinooin tanpa nasihat doktor boleh menyebabkan kulit yang disapu menjadi kemerahan, mengelupas dan parut pada kulit.

Kementerian Kesihatan tidak pernah mengeluarkan kebenaran ke atas pengimportan untuk penjualan dan / atau mengeluarkan Surat Pengakuan Notifikasi Produk Kosmetik bagi penjualan produk-produk berkenaan.

Susulan daripada dapatan berkenaan, produk - produk tersebut adalah dilarang untuk diimport dan dijual di Negara Brunei Darussalam.

Orang ramai yang telah menggunakan produk - produk berkenaan adalah dinasihatkan untuk memberhentikan penggunaannya dengan serta merta. Jika mereka mengalami kesan adverse dan berasa tidak sihat selepas menggunakan produk - produk berkenaan, hendaklah berjumpa doktor dengan segera.

Penjualan produk berkenaan (termasuk penjualan secara dalam talian seperti melalui Facebook dan sebagainya) adalah menjadi satu kesalahan di bawah Peraturan Ubat (Produk Kosmetik), 2007 dan jika didapati bersalah boleh didenda tidak melebihi BND5,000, penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Kementerian Kesihatan juga

SAMBUTAN HARI RAYA PLATFORM TERBAIK ERATKAN SILATURAHIM

■ Siaran Akbar dan Foto : HiTUNE Group of Companies

BANDAR SERI BEGAWAN,
Isnin, 7 April. - Kemeriahan Aidilfitri terus disemarakkan dengan berbalas kunjungan antara saudara-mara dan rakan taulan.

Sehubungan itu, HiTUNE Group of Companies telah menganjurkan Sambutan Hari Raya bertujuan untuk merapatkan lagi hubungan silaturahim antara pegawai dan kakitangan syarikat berkenaan.

Pengerusi HiTUNE Group of Companies, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang yakin bahawa sambutan yang diadakan itu merupakan platform terbaik untuk mempereratkan hubungan mesra dalam kalangan kakitangan sekali gus mengukuhkan hubungan serta persefahaman antara mereka.

"Pada hari yang penuh

SESI bergambar ramai Sambutan Hari Raya anjuran HiTUNE Group of Companies.

keberkatan ini, marilah kita bersama-sama menyatakan rasa syukur dan meriahkan lagi kedatangan Syawal dengan penuh kegembiraan dan kemuliaan," jelas Pengiran Zamri.

Menurut beliau, majlis ini adalah satu langkah positif untuk memperkuuhkan hubungan dalam kalangan kakitangan yang seterusnya akan menyumbang kepada peningkatan prestasi kerja di setiap bahagian.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif HiTUNE Group of Companies, Dayang Hernah Nur Imani Muhammad Jeffery.



Beri pendedahan meluas kepada pelajar

■ Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad

MANGGIS, Selasa, 8 April. - Jeryawara Kenali ASEAN bertujuan untuk memberikan pendedahan dan menyalurkan maklumat dengan lebih meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada para penuntut sekolah di negara ini.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat, Jabatan Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail yang antara lain menanamkan kesedaran dalam kalangan para pelajar sekolah sebagai sebahagian daripada masyarakat ASEAN selaras dengan Moto ASEAN : Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti (One Vision, One Identity, One Community).

Program berkenaan merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEANness) dalam kalangan pelajar-pelajar untuk menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan.

Dalam masa yang sama, ia juga dapat mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat khususnya para pelajar yang bakal mewarisi kesinambungan bangsa dan

SALAH seorang pelajar mengambil peluang untuk menjawab soalan kuiz di jeryawara tersebut (kanan). Manakala gambar bawah kiri, antara yang hadir di dewan serbaguna Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSSB).

seterusnya memainkan peranan penting dalam memangkin hala tuju negara satu masa nanti.



NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN Fikir sebelum beli

"buleh pecaya kan tu?"
"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- Dapatkan resit rasmi.
- Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- Jika ragu, elakkan berurus dengan mereka.

MANFAATKAN TEKNOLOGI DALAM PENGAJARAN, PENDIDIKAN

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
 Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Ihsan Dr. Hajah Syamimi
 Haji Mohd. Aarif Lim



KETUA Pusat Inovasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran, (Innovation in Teaching and Learning Centre - InTELECT), Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Hajah Syamimi binti Haji Mohd. Aarif Lim.

>> Muka 1

Ketua Pusat Inovasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran, (Innovation in Teaching and Learning Centre - InTELECT), Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Hajah Syamimi binti Haji Mohd. Aarif Lim, berkata, sebagai seorang pensyarah, beliau melihat penggunaan AI dan ChatGPT dalam pembelajaran sebagai satu peluang yang besar untuk meningkatkan kefahaman pelajar serta memudahkan proses pengajaran.

Dr. Hajah Syamimi seterusnya berkata, teknologi boleh bertindak sebagai alat sokongan yang mempercepatkan akses kepada maklumat, menjana idea, dan membantu pelajar membuat semakan kendiri dalam tugasannya.

UBD tambahnya, sentiasa mengambil langkah proaktif dalam mengikuti perkembangan teknologi semasa, termasuk penggunaan AI dalam bidang pendidikan. Sejajar dengan komitmen untuk memperkasa pengajaran dan pembelajaran abad ke-21, UBD telah membangunkan polisi dan garis panduan khusus yang menyatakan pendirian universiti terhadap penggunaan AI.

Sehubungan dengan itu, Dr. Hajah Syamimi mengongsikan UBD telah melancarkan 'Policy and Guidelines on Generative Artificial Intelligence Usage for Teaching and Learning in Universiti Brunei Darussalam' sempena Sambutan Hari Guru yang Ke-33 pada 23 September 2023.

Dalam membina garis panduan berkenaan ujarnya, UBD turut merujuk kepada polisi universiti terkemuka seperti University of Oxford, Universiti of Sydney, serta panduan yang dikeluarkan oleh UNESCO berkaitan penggunaan AI dalam pendidikan.

"Panduan-panduan ini lazimnya menekankan aspek integriti akademik, hak milik idea, dan batasan penggunaan AI dalam konteks penilaian, penyelidikan, serta tugas akademik, selaras dengan usaha membentuk ekosistem pembelajaran yang bertanggungjawab dan beretika."

"UBD menggalakkan penggunaan AI dalam kalangan

pensyarah dan pelajar sebagai alat sokongan yang dapat membantu dalam proses pembelajaran, penyelidikan dan penciptaan kandungan akademik. Namun begitu, penggunaan ini perlu berpandukan kepada prinsip etika dan integriti akademik.

"Oleh itu, universiti telah menetapkan beberapa rail guards atau batasan untuk memastikan teknologi ini dimanfaatkan secara bertanggungjawab, seperti yang dibincangkan di dalam 'Policy and Guidelines on Generative Artificial Intelligence Usage for Teaching and Learning in Universiti Brunei Darussalam'," tambahnya.

Dengan adanya panduan ini jelas Dr. Hajah Syamimi lagi, UBD berharap agar semua dapat memanfaatkan teknologi AI dengan cara yang menyumbang kepada peningkatan mutu pembelajaran, tanpa menjaskan nilai-nilai akademik yang menjadi asas kepada pendidikan tinggi.

"Sebagai pensyarah, pendekatan saya terhadap AI adalah menerimanya secara terbuka tetapi dengan panduan jelas. Saya biasanya memaklumkan kepada para pelajar di awal kelas mengenai apa yang boleh dan tidak boleh dilakukan dengan AI.

"Saya percaya bahawa dengan memberikan arahan yang jelas serta membimbing mereka untuk memanfaatkan kelebihan AI dengan sebaiknya, ia dapat membantu pelajar menjadi lebih produktif, berpengetahuan dan memperoleh pemahaman yang lebih mendalam terhadap subjek yang dipelajari," ujarnya.

Dr. Hajah Syamimi turut berkata bahawa UBD melalui InTELECT akan menganjurkan satu sesi perkongsian ilmu mengenai penggunaan AI secara selamat yang bakal diadakan dalam masa terdekat.

Inisiatif berkenaan jelasnya, bertujuan untuk mendidik dan membuka ruang pemahaman kepada semua pihak mengenai batasan dan kebolehan AI, serta bagaimana ia boleh digunakan dengan bertanggungjawab dan beretika, termasuk kaedah rujukan yang betul dalam penghasilan karya. Diharapkan melalui program berkenaan, kita dapat bersama-sama membina budaya penggunaan AI yang selamat, berdaya cipta dan menyumbang ke arah kemajuan yang inklusif.

Di UBD jelasnya, terdapat juga polisi khusus berkaitan plagiat (plagiarism policy) yang bertujuan menjadi panduan dan langkah pencegahan kepada pelajar. Sekiranya berlaku perbuatan menyalin tanpa memberikan petikan (citation) yang sewajarnya, polisi berkenaan berfungsi sebagai langkah berjaga-jaga agar pelajar lebih berwaspada.

"Fokus utama kami bukan untuk menghukum, tetapi untuk mendidik dan membimbing pelajar supaya mereka dapat menggunakan AI secara beretika dan bertanggungjawab, demi manfaat serta kemajuan bersama."

"Penerimaan pensyarah terhadap penggunaan AI oleh pelajar bergantung kepada tahap

pemahaman dan polisi institusi. Ramai pensyarah kini lebih terbuka, selagi pelajar menyatakan penggunaan AI secara telus dan tidak melanggar integriti akademik.

"Maka, penting ada kesedaran dan literasi AI dalam kalangan pelajar dan pensyarah itu sendiri," terang Dr. Hajah Syamimi.

Sementara itu, Dayangku Noorul Suhailah binti Pengiran Sapudin, salah seorang tenaga pengajar di Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SASHHB) pula menyatakan, penggunaan AI dalam pembelajaran adalah sesuatu yang tidak dapat disangkalkan, kerana ia seiring dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0.

"AI bukan sahaja sebagai sumber rujukan, ia juga memudahkan para guru dan pelajar untuk mencari idea bagi memulakan langkah pertama dalam menyelesaikan tugas.

"Namun, jika penggunaan AI tidak terkawal boleh menyebabkan pengguna bergantung sepenuhnya dan menghasilkan generasi yang malas berfikir. Maklumat yang diberikan dari platform AI tidak semestinya betul, ia perlu disemak semula untuk memastikan kesahihannya," ujarnya.

Menurut Dayangku Noorul Suhailah lagi, aplikasi ChatGPT merupakan platform yang bagus dan bermanfaat bagi guru dan pelajar. Namun, tujuan penggunaannya perlu digunakan untuk membantu meningkatkan pemahaman atau untuk mencetus idea bukan sekadar untuk mencari jawapan semata-mata.

Hal yang sama juga dikongsikan oleh dua lagi tenaga pengajar, Dayang Siti Zulihai binti Haji Lamat; dan Dayang Nur Afiqah Hazirah binti Mohamad Zaidi, keduaduanya dari SASHHB.

Jelas Dayang Siti Zulihai, aplikasi berkenaan sangat bermanfaat terutamanya penuntut yang ingin berdiskusi dalam belajar atau ingin menambah ilmu pembelajaran yang ada.

AI tambahnya, boleh digunakan untuk membuat nota, pembentangan dan soalan. Masa dan tenaga tidak akan banyak terbuang. Namun, output yang diperoleh daripada AI mungkin tidak seperti yang diinginkan dan para guru perlu mengubah output mengikut cita rasa dan kesesuaian penuntut yang diajar kerana guru lebih memahami keupayaan penuntut yang diajar.

Menyentuh mengenai penerimaan guru-guru jika penuntut menggunakan AI dan ChatGPT dalam membuat sesuatu tugas (assignment), Dayang Siti Zulihai seterusnya menyatakan bahawa ia tidak dapat dielakkan kerana ada dalam kalangan penuntut yang akan tetap mencari jalan supaya taktik penggunaan ChatGPT mereka tidak dapat dikesan.

"Justeru itu, dengan mengadakan ujian di kelas atau pembentangan mengenai assignment mereka akan membantu pemarkahan tulen dan secara tidak langsung akan membantu penuntut memahami pengisian tugas tersebut," ujarnya.

Sementara itu, Dayang Nur Afiqah Hazirah pula menekankan, selagi pelajar tidak menggunakan kelebihan yang ada pada AI dalam

pembelajaran untuk sesuatu yang tidak bermoral, penggunaannya adalah sangat digalakkan.

"Perkara yang tidak bermoral adalah seperti mengambil jalan mudah tanpa membuat kajian terlebih dahulu, iaitu menyalin jawapan untuk soalan yang diberikan tanpa usul periksa dan mencuri hak cipta kerja orang lain.

Menurut Dayang Nur Afiqah Hazirah lagi, beliau juga menggunakan AI dalam pengajarannya, dan jika ada timbul kekeliruan pada bahan pengajaran, beliau akan membuat kajian menggunakan AI, kerana ia mudah, cepat dan boleh dipercayai. Namun, semua informasi hendaklah disemak terlebih dahulu kerana tidak semua yang diberikan adalah tepat.

Manakala, bagi seorang mahasiswa jurusan Sarjana Muda Undang-undang dan Sarjana Muda Perundungan Shariah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dayang Nur Fatin Nabihah binti Sharin, turut mengakui pernah menggunakan aplikasi ChatGPT dalam pembelajaran jika perlu sahaja.

"Guru hanya membolehkan penggunaan ChatGPT jika pelajar ingin membuat nota atau ringkas mengenai topik yang dipelajari. Tetapi mereka lebih menggalakkan


pelajar untuk bertanya terus kepada mereka jika ada soalan atau menghadapi kesukaran untuk memahami.

"Guru-guru tidak setuju dengan penggunaan ChatGPT dalam membuat assignment bertulis disebabkan kesan buruk seperti plagiarism dan informasi yang kurang tepat.

"Mereka juga boleh mengetahui jika pelajar yang menghantar tugas itu menggunakan AI atau tidak. Oleh itu, segala tugas hendaklah dibuat dengan mencari maklumat dari perpustakaan dan nota yang diberikan guru jika ada yang berkaitan dengan tugas yang diberikan," ujar beliau.

Antara kebaikan yang dapat dimanfaatkan melalui aplikasi berkenaan jelasnya, ialah ia boleh meringkaskan nota untuk lebih mudah memahami tajuk yang diajar di samping untuk mencari jawapan bagi masalah tertentu serta membantu mengumpulkan segala maklumat yang diperlukan.

Walau bagaimanapun tambahnya, maklumat yang disediakan tidak dapat dipercayai 100 peratus. Oleh itu pelajar lebih digalakkan melakukan penyelidikan tentang sesuatu topik di perpustakaan kampus.



PENGUNAAN AI dalam kalangan pensyarah dan pelajar sebagai alat sokongan dapat membantu dalam proses pembelajaran, penyelidikan dan penciptaan kandungan akademik.

Awas! Jalan Licin Dihadapan

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA

Icons at the bottom:

- Always Wear a seatbelt
- No mobile phones while driving
- Speeding is dangerous
- Do not drive under influence
- Wear helmet and proper attire while riding
- Always watch out for other road users
- Always check tyres

www.mkkjr.gov.bn

TERUS MENDUKUNG USAHAWAN BELIA

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN,
Selasa, 8 April. - Fenomena pengusaha-pengusaha belia yang memilih untuk bermula sebagai alternatif kepada mencari pekerjaan juga semakin berkembang di negara ini.

Terdapat pelbagai faktor yang mendorong golongan belia di negara ini untuk memilih perniagaan sebagai kerjaya.

Melalui pelbagai inisiatif dan program yang diberikan oleh pelbagai pihak berkepentingan di negara ini turut memberi sokongan kepada para usahawan muda kita.

Sokongan Kerajaan dan Program Keusahawanan memberikan sokongan yang kuat kepada usahawan belia melalui pelbagai program dan inisiatif antaranya program-program seperti Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEBD) melalui Darussalam Enterprise (DARE) menyediakan latihan, akses kepada pembiayaan, serta sokongan dalam bentuk mentor kepada usahawan muda.

Mereka juga menganjurkan pertandingan dan peluang untuk belia mengembangkan perniagaan mereka. Inisiatif ini membantu belia mengatasi halangan - halangan seperti modal dan pengalaman.

Kemajuan teknologi dan e-Dagang di mana seperti negara-negara lain, sedang beralih ke era digital, dan ini memberi peluang besar kepada belia untuk memulakan perniagaan secara dalam talian.

Penggunaan media sosial dan

platform e-Dagang seperti Instagram, Facebook, Shopee, Live TikTok telah membuka ruang untuk belia memasarkan produk mereka dengan kos yang rendah.

Ini menjadikan perniagaan lebih mudah diakses, tidak hanya di pasaran tempatan tetapi juga di pasaran global.

Terdapat juga sebilangan belia kita memilih untuk bermula kerana mereka ingin mencipta peluang pekerjaan untuk diri mereka sendiri dan tidak muhul terikat dengan pekerjaan yang mungkin tidak menawarkan fleksibiliti atau peluang untuk berkembang seperti yang mereka inginkan.

Justeru perniagaan memberi mereka peluang untuk menggubal jadual dan mengembangkan perniagaan dengan cara yang mereka muhul.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini juga, terdapat peningkatan minat terhadap produk dan perkhidmatan tempatan, di mana para pengusaha belia kita kini mengambil peluang untuk menghasilkan produk makanan, pakaian, aksesori, dan perkhidmatan lain yang mencerminkan budaya dan identiti tempatan.

Keinginan untuk menyokong produk buatan tempatan juga mendorong masyarakat tempatan untuk membeli barang yang dihasilkan oleh pengusaha muda.

Selain itu sektor-sektor seperti fesyen, makanan, dan kecantikan

menjadi pilihan popular dalam kalangan usahawan muda Brunei.

Ramai pengusaha muda yang memilih untuk membuka kedai pakaian, kafe, atau salun kecantikan kerana permintaan yang tinggi dalam pasaran tempatan.

Kafe dan restoran yang menghidangkan makanan tempatan atau barat juga semakin mendapat tempat di hati pengguna muda Brunei.

Antara pengusaha muda yang sudah menempah nama di negara ini ialah seperti 'The Dara' (tudung Muslimah); Mahyra.co (*hand-crocheted bags*); Nyampatea (produk minuman); Hygraglow Cosmetics (produk alat solek); Perusahaan Iman Putera (produk kosmetik); Scentity.bn (produk lilin wangi); Feedandsip.bn (produk minuman); Kraftive.bn (produk bahan organik, *door gift*) dan banyak lagi.

Salah satu sebab mengapa belia memilih perniagaan juga adalah untuk memperoleh pengalaman dan kemahiran dalam dunia perniagaan yang tidak dapat diperoleh dalam pekerjaan tradisional.

Dengan bantuan program-program latihan keusahawanan, belia kita kini mempunyai lebih banyak peluang untuk belajar tentang pengurusan perniagaan, pemasaran, kewangan, dan aspek teknikal lain yang diperlukan untuk berjaya dalam dunia perniagaan.

Walaupun terdapat banyak peluang, usahawan belia di negara ini juga turut menghadapi



HAND-crocheted bags oleh Mahyra.Co, produk buatan tempatan oleh usahawan belia negara kita.

beberapa cabaran antaranya

ialah modal permulaan, walaupun terdapat sokongan daripada kerajaan, usahawan belia masih perlu mengatasi cabaran dalam mendapatkan modal yang mencukupi untuk memulakan perniagaan mereka.

Dengan sokongan kerajaan yang kukuh, akses kepada teknologi, dan semangat keusahawanan yang tinggi, golongan belia Brunei kini lebih berani untuk memulakan perniagaan mereka.

Walaupun terdapat cabaran, dengan ketekunan dan bantuan yang tepat, mereka berpotensi untuk membina perniagaan yang berjaya dan menyumbang kepada ekonomi negara.

Pameran ilustrasi tampilkan karya kreatif penuntut, lepasan KIGS



Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN,
Selasa, 8 April. - Suasana bersejarah di Bangunan Lapau Lama, Pusat Sejarah Brunei (PSB), Bandar Seri Begawan diserikan dengan sebuah pameran ilustrasi yang menampilkan hasil karya kreatif penuntut dan lepasan Kolej Pengajian Siswazah Antarabangsa (KIGS).

Pameran ini merupakan anjuran PSB bersempena Pertandingan Ilustrasi Sejarah Brunei Tahun 2024-2025, dengan kerjasama

KIGS.

Antara lain tujuan pertandingan diadakan adalah untuk mengetengahkan bakat muda dalam mempersembahkan sejarah negara melalui medium seni visual yang menarik dan bermaklumat.

Menampilkan pelbagai karya yang dilahirkan oleh peristiwa-peristiwa penting dalam sejarah Brunei, pameran ini membawa naratif sejarah ke dalam bentuk visual yang lebih mudah difahami dan dihayati, terutamanya



HASIL karya kreatif penuntut dan lepasan Kolej Pengajian Siswazah Antarabangsa (KIGS) bukan sahaja mempamerkan keindahan daripada segi artistik malah juga kefahaman mendalam terhadap latar sejarah yang dipaparkan (atas dan atas kiri).

oleh generasi muda.

Karya-karya yang dipamerkan bukan sahaja indah daripada segi artistik, malah memperlihatkan kefahaman mendalam pelukis terhadap latar sejarah yang dipaparkan.

Pameran ini diadakan bagi

memberi pengiktirafan kepada para peserta serta menggalakkan generasi muda untuk lebih mendekati dan menghargai sejarah serta warisan negara melalui pendekatan yang kreatif dan inovatif.

Pameran dibukakan bagi

kunjungan ramai bermula pada 5 April hingga 30 April 2025, dari jam 8.30 pagi hingga 4.15 petang. Orang ramai dialu-alukan untuk hadir dan menyaksikan sendiri hasil kreativiti anak tempatan serta menyelami sejarah Brunei daripada perspektif seni visual.

TAKLIMAT KENEGARAAN SEMA SEMANGAT PATRIOTIK PELAJAR



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



SESI bergambar ramai pada Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD)' yang diadakan di Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (atas). Manakala gambar kanan, Timbalan Pengetua (Pentadbiran) semasa menyampaikan hadiah kepada salah seorang pemenang kuiz. Sementara gambar bawah kanan, sekitar taklimat berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 April. - Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam menjadi tumpuan bagi Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD)' yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik, hari ini.

Taklimat yang diadakan di Dewan Bilik Mumtaz dihadiri oleh Timbalan Pengetua (Pentadbiran), Dayang Suhana binti Ramli dan

Timbalan Pengetua (Akademik), Dayang Paridah binti Haji Bayong serta para tenaga pengajar dan 179 pelajar Tahun 7 sekolah berkenaan.

Taklimat disampaikan oleh Pemangku Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris selaku Pemangku Ketua Seksyen Komunikasi Strategik yang antara lain menyentuh mengenai raja, sejarah dan tatacara menaik kibarkan bendera negara serta sejarah lagu kebangsaan NBD 'Allah Peliharakan Sultan'.

Selain itu, para pelajar juga

berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan bagi meningkatkan lagi kefahaman tentang taklimat yang disampaikan. Penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang kuiz disempurnakan oleh Timbalan Pengetua (Pentadbiran).

Program ini merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara. Ia juga diharaskan akan dapat mengukuhkan lagi semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri pelajar.



AITI lancarkan kajian komprehensif Tenaga Manusia ICT

Siaran Akbar : Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 8 April. - Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI), selaku Sekretariat Kumpulan Kerja Jawatankuasa Pandu Industri Tenaga Manusia bagi Sektor ICT (MISC-WG ICT) yang disokong oleh Pejabat Perancang Tenaga Manusia (PPTM), Jabatan Perdana Menteri (JPM),

melancarkan kajian komprehensif kedua di seluruh negara mengenai Tenaga Manusia ICT pada Disember lalu.

Tinjauan Tenaga Manusia ICT bertujuan untuk mengumpulkan data penting mengenai profesional ICT daripada kira-kira 400 perniagaan di negara ini dalam sektor ICT dan bukan ICT.

Melalui tinjauan ini, AITI berhasrat untuk mendapatkan

keadaan semasa profesional ICT, dan menggunakan data untuk membimbing pencari kerja dan perniagaan dalam menentukan keperluan pekerjaan; pembangunan kemahiran dan keperluan latihan; bidang keutamaan industri; dan unjuran permintaan tenaga kerja ICT masa hadapan.

Tinjauan telah diedarkan melalui e-mel kepada penerima terpilih di seluruh negara, dengan tarikh akhir dilanjutkan kepada 30 April 2025.

AITI mengalu-alukan dan sangat menggalakkan perniagaan berdaftar dan ahli komuniti perniagaan untuk menyokong inisiatif ini dan mengambil bahagian dalam tinjauan.

Pihak yang berminat boleh meminta akses kepada tinjauan dan menyerahkan sebarang pertanyaan melalui e-mel kepada ictmanpowersurvey2024@aiti.gov.bn atau hubungi +673 2450710.

AITI juga telah menggunakan pembanci, untuk membantu

perniagaan apabila diperlukan dan komited untuk mengekalkan kerahsiaan semua data yang dikumpul.

Sebuah respons akan digunakan semata-mata untuk tujuan kajian ini.

Maklumat terperinci tentang dasar privasi tinjauan boleh didapati dalam soal selidik tinjauan.

Untuk maklumat lanjut tentang Tinjauan Tenaga Manusia ICT, sila layari laman sesawang AITI di www.aiti.gov.bn.

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

ADAKAH PROFIL PSCR 2.0 AWDA LENGKAP DAN TERATUR?

BARU

PANDUAN LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi
Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / PhD atau sebanding (bilang Major atau Minor dimestikan teratur)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah PMB / GCE 'O' LEVEL / GCE 'A' LEVEL atau sijil / kelulusan sebanding
- ✓ Tamat Persekolahan
bagi pemohon yang memahatkan pelajaran di peringkat menengah sahaja

PANDUAN MUATNAIK DOKUMEN

- ✓ Maklumat Peribadi
Kad Pengenal / Pasport / Gambar Terkini
- ✓ Maklumat Lesen Memandu
- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi Sijil / Transkrip (dimestikan dimuatnaik) / MKPK (jika dari Institusi Swasta / Luar Negeri)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah
- ✓ Tamat Persekolahan
(Sijil berhenti Sekolah)

PANDUAN PENGALAMAN KERJA

- ✓ Pengalaman Kerja Kerajaan mendakwa "✓" pada jawatan sekarang / prestasi 3 tahun kebelakangan / pengesahan profil pegawai kakitangan kerajaan / tempoh kerja yang teratur / tarikh mula dalam tangga gaji / tangga gaji / nama jawatan yang betul
- ✓ Pengalaman Kerja Swasta
- ✓ Pengalaman Kerja Beruniform
- ✓ Pengalaman Bekerja Sendiri
- ✓ Penempatan Kerja
- ✓ Tidak Bekerja

PANDUAN KEMAHIRAN DAN KELAYAKAN PROFESSIONAL

- ✓ Kelayakan Profesional
- ✓ Peperiksaan Kesetiausahaan
- ✓ Kemahiran Bahasa
- ✓ Lain-Lain Kemahiran

PANDUAN PEPERIKSAAN DAN KURSUS

- ✓ Peperiksaan Kerajaan
- ✓ Kursus Yang Dihadiri (Kerajaan/Swasta)
- ✓ Kursus Induksi Perkhidmatan Awam
- ✓ Kursus Perkhidmatan Awam (IPA)
- ✓ Program Pembangunan Eksekutif

KONGSI PENGALAMAN MENGERJAKAN UMRAH DI BULAN RAMADAN, SYAWAL

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
 Foto : Ihsan Azanor Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 April. - Menunaikan umrah pada bulan Ramadan lebih-lebih lagi pada 10 malam terakhir Ramadan dan seterusnya menyambut Syawal di bumi Mekah dan Madinah setentunya menjadi impian bagi setiap umat Islam, kerana ganjaran pahala yang cukup luas yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Merasakan sendiri pengalaman berbuka puasa di dataran masjid bersama jutaan jemaah daripada pelosok dunia serta berikraf di Masjidilharam dan Masjid Nabawi adalah pengalaman yang begitu berharga dan tidak ternilai.

Bukan itu saja, ketika kebanyakan orang meraikan Hari Raya di tanah air sendiri, ribuan jemaah memilih untuk merasai pengalaman menyambut lebaran di Tanah Suci.

Pengalaman manis menunaikan umrah pada bulan Ramadan dan meraikan Syawal di Tanah Suci baru-baru ini dikongsikan oleh pasangan suami isteri, Awang Azanor bin Haji Ahad dan Dayang Hajah Nur Hayatul Raiemah binti Haji Rahim, dari Kampung Sungai Lalit, Lumut, yang mengikuti Pakej Peribadi Ramadan-Syawal melalui agensi perkhidmatan pelancongan, B2N Islamic Tour.

"Alhamdulillah, dengan izin Allah, kami diberi peluang menunaikan umrah pada 10 malam

terakhir Ramadan. Pengalaman berpuasa dan berhari raya di tanah haram sangat berbeza dari di negeri sendiri terutama semasa malam-malam terakhir Ramadan. Perasaan berada di sana bercampur baur, sedih, hiba dan gembira," ujar Awang Azanor.

Menurutnya, ini adalah pengalaman pertama beliau dan isterinya menunaikan umrah pada bulan Ramadan dan Syawal.

"Kami berada di Tanah Suci selama 13 hari, bermula 20 Ramadan sehingga 4 Syawal. Di sana, bulan Ramadan disambut dengan sangat meriah. Menjelang waktu berbuka, jamuan food pack untuk iftar akan disediakan di masjid untuk jemaah dan orang ramai akan berlumba-lumba untuk mengambil tempat masing-masing dan datang lebih awal ke masjid," ujarnya.

Beliau juga mengongsikan, jemaah umrah yang direkodkan pada tahun ini adalah luar biasa iaitu melebihi keramaian jemaah haji pada tahun-tahun sebelumnya.

"Dengan jutaan jemaah yang ada, mencari peluang untuk bersembahyang di dalam Masjidilharam memang sangat mencabar jika datang lambat, oleh itu hendaklah datang tiga atau empat jam sebelum waktu sembahyang jika mahu tempat yang paling selesa di dalam

masjid," ujarnya.

Menurut Awang Azanor lagi, segala cabaran itu sanggup dihadapi kerana akhirnya dapat menikmati perasaan bahagia dan ketenangan yang sukar digambarkan. Tambahnya, pada 10 malam terakhir, kebiasaan jemaah akan menyambung Qiamullail di masjid dan diteruskan sehingga habis Sembahyang Sunat Tahajud.

Sembahyang Fardhu Isyak dilewati waktunya pada pukul 8.30 malam diikuti dengan Sembahyang Sunat Tarawih 10 rakaat yang mana mengambil masa dalam 2 hingga 3 jam. Lalu pada pukul 12.30 tengah malam pula, Sembahyang Sunat Tahajud akan diimamkan di masjid dan berakhir pada sekiranya pukul 2.00 pagi.

Beliau turut mengongsikan, penginapan sepanjang berada di Tanah Suci juga sangat selesa di mana jarak antara tempat penginapan di Madinah ke masjid hanya mengambil masa lima minit perjalanan manakala di Mekah menggunakan perkhidmatan bas untuk ke masjid.

Mereka juga bersyukur kerana tempat penginapan turut menyediakan juadah berbuka puasa dan juga sahur.

Selain berpeluang merasakan sendiri pengalaman berpuasa serta umrah pada bulan Ramadan, mereka juga antara insan yang beruntung kerana berkesempatan



AWANG Azanor bin Haji Ahad dan Dayang Hajah Nur Hayatul Raiemah binti Haji Rahim, dari Kampung Sungai Lalit, Lumut (dua dari kiri).

merasakan suasana Syawal di Tanah Suci.

"Syawal juga disambut meriah di mana orang ramai berpusu-pusu turun ke masjid untuk menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya. Takbir raya dilaungkan bergilir-gilir oleh imam-imam besar, diikuti dengan Sembahyang Sunat Hari Raya dan Khutbah Hari Raya," jelas isteri beliau, Dayang Hajah Nur Hayatul Raiemah.

Memandangkan terpaksa meninggalkan tiga orang anak mereka yang masih kecil untuk mengerjakan umrah, pastinya timbul perasaan sedih apabila mengingangkan anak-anak yang tidak ikut bersama.

"Mula-mula perasaan sangat sedih mengenangkan anak-anak tidak ikut bersama, tetapi sudah sampai di sana, fikiran tertumpu untuk membuat amal ibadah dan tahu anak-anak insyaAllah dalam jagaan baik sepanjang ditinggalkan," ujarnya.

Oleh itu, beliau menyarankan umat Islam lainnya agar mengambil peluang yang sama menunaikan umrah pada bulan Ramadan kerana pengalamannya yang sangat berbeza daripada umrah pada bulan-bulan lainnya, di samping ganjaran pahala berlipat ganda yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala pada bulan Ramadan.

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

PENTING

!
!
!

IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja

DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education dan lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tangga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

BARU

⚠ Sila sahkan bahwa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan bagi jawatan yang dipohon.

✓ Memahami bahawa maklumat **profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur** semasa menghadapkan permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak meneperi kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya **permohonan tidak akan diproses**.

Ziarah perkukuh ukhuwah

منجو كريضاعن الله
 MENUJU KEREDAAN ALLAH
 كل لأن قوسة دعوه اسلاميه

BULAN Syawal merupakan bulan yang sinonim dengan amalan mengerakkan ukhuwah, berkasih sayang dan ziarah-menziarahi dalam kalangan sanak saudara mahupun rakan taulan. Ia merupakan satu amalan yang ditutut Islam dalam memenuhi hak-hak sesama manusia sama ada bagi merapatkan hubungan persaudaraan atau sebagai tanda mengambil berat terhadap keadaan insan lain.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hujurat ayat 10, yang terjemahannya :

"Sebenarnya orang beriman itu bersaudara maka damaikanlah di antara dua saudara kamu itu; dan bertakwalah kepada Allah agar kamu beroleh rahmat."

Bahkan, Islam adalah agama yang

menuntut kedamaian dan kemuliaan dalam kalangan manusia. Dilarang mengeji, menghina dan merendahkan sesama manusia walau apa bangsa dan agama sekalipun. Malah menjadi kewajipan kita sebagai umat Islam menunjukkan akhlak dan keperibadian mulia kepada masyarakat bukan Islam. Islam menjelaskan bahawa manusia adalah makhluk yang dimuliakan dan diberi kelebihan berbanding pelbagai ciptaan lain, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Isra' ayat 70, yang terjemahannya :

"Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan kenderaan di darat dan di laut; dan Kami berikan rezeki kepada mereka dari yang baik-baik serta Kami telah lebarkan mereka atas kebanyakan makhluk yang telah Kami ciptakan."

Justeru itu, kunjungan dan ziarah-menziarahi di bulan Syawal adalah

masa yang paling sesuai untuk kita menghubungkan kembali silaturahim yang sebelum ini terlerai disebabkan berlakunya ketegangan, salah faham atau perselisihan yang membawa kepada bermasam muka dan tidak bertegur sapa. Seseorang itu tidak dikira sempurna sekiranya ia tidak menghubungkan silaturahim sesama mereka.

Namun begitu, terdapat perkara-perkara yang harus kita hindari dalam amalan ziarah-menziarahi dan kunjung-mengunjungi. Sebahagian daripada kita leka bersempang dalam media sosial dan mengemas kini status akaun mereka. Sedarlah, tindakan ini sedikit sebanyak mengganggu komunikasi di antara tuan rumah dan tetamu. Jika perkara ini diambil mudah, tidak mustahil suatu hari nanti, semangat ukhuwah dalam kalangan masyarakat Islam akan luntur.

Selain itu, dalam kesibukan kita kunjung-mengunjungi dan melayan tetamu

sayugia diingatkan agar tidak melupakan tanggungjawab utama iaitu menunaikan ibadat sembahyang. Amat merugikan sekiranya kita melengah-lengahkan sembahyang sehingga mengerjakannya di akhir waktu, dan paling malang lagi seandainya sembahyang ketika waktu telah lupa.

Pastikan juga seluruh ahli keluarga mengambil berat tentang pelaksanaan ibadah sembahyang dengan singgah di masjid atau surau berdekatan semasa dalam perjalanan bagi memastikan amalan mulia ziarah-menziarahi ini diredaya dan diberkati, selain menyuburkan rasa cinta mengunjungi rumah-rumah Allah Subhanahu Wata'ala.

Marilah kita mengambil kesempatan pada bulan Syawal yang mulia ini untuk saling ziarah-menziarahi bagi mengukuhkan ukhuwah sesama kita. Hubungan yang terjalin ini membolehkan kita berkongsi ilmu serta kebaikan, membina dan seterusnya memperkuuhkan ukhuwah sesama kita.

Menisbahkan Perkara Kebaikan Kepada Allah Ta'ala Dan Perkara Keburukan Kepada Diri Sendiri Atau Syaitan

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

PERBUATAN manusia sama ada perbuatan itu perbuatan *al-ikhtiyariyyah* iaitu perbuatan yang lahir bukan daripada kehendak dan usaha manusia seperti menggil kerana demam atau perbuatan *al-ikhtiyariyyah* iaitu perbuatan yang lahir daripada kehendak dan usaha manusia sendiri seperti berdiri atau duduk, semuanya ciptaan Allah Subhanahu wa Ta'ala. Perkara tersebut berdasarkan beberapa firman Allah Subhanahu wa Ta'ala, antaranya :

Tafsirnya : Padahal Allah yang menciptakan kamu dan (pada hakikatnya menciptakan) apa yang kamu kerjakan itu.

(Surah ash-Shaffat : 96)

Dalam ayat yang lain, Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman :

Tafsirnya : Yang (memiliki sifat-sifat dan kekuasaan yang) sedemikian itu ialah Allah Tuhan kamu, tiada tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Pencipta segala sesuatu maka sembahlah Dia, dan Dialah Maha Pemelihara segala sesuatu.

(Surah al-An'am : 102)

Menurut Imam ar-Razi *Rahimahullah* dalam kitabnya *Tafsir al-Fakhr ar-Razi*, para ulama berpegang dengan firman Allah Subhanahu wa Ta'ala yang tafsirnya "Pencipta segala sesuatu" di atas bahawa sesungguhnya Allah Subhanahu wa Ta'ala adalah pencipta perbuatan manusia. Hal ini kerana perbuatan manusia termasuk dalam maksud "sesuatu". Oleh kerana Allah Subhanahu wa Ta'ala adalah Pencipta segala sesuatu, maka perbuatan manusia juga adalah ciptaanNya.

Ini bermakna semua perbuatan manusia sama ada ia perbuatan yang baik atau yang buruk adalah ciptaan Allah Subhanahu wa Ta'ala. Dalam ayat yang lain, Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman :

Tafsirnya : Allah jualah Pencipta segala sesuatu, dan Dialah Maha Pemelihara segala sesuatu.

(Surah az-Zumar : 62)

Menurut Imam al-Baidhawi *Rahimahullah* dalam kitabnya *Tafsir al-Baidhawi*, maksud "sesuatu" dalam tafsir ayat di atas merangkumi segala sesuatu daripada kebaikan dan keburukan, termasuk juga iman dan kekufturan.

Walau bagaimanapun, kita sering kali mendengar orang mengatakan bahawa yang baik datangnya daripada Allah Subhanahu wa Ta'ala manakala yang buruk datangnya daripada dirinya sendiri. Terdapat juga sebilangan orang yang mengatakan bahawa yang buruk datangnya daripada syaitan. Pada zahirnya, ungkapan ini seolah-olah bertentangan dengan keterangan di atas yang menyebut segala sesuatu termasuk perbuatan manusia sama ada baik atau buruk adalah ciptaan Allah Subhanahu wa Ta'ala. Oleh itu, Irsyad Hukum kali ini akan menjelaskan kedudukan perkara ini.

Menurut Ahli Sunnah Wal-Jama'ah, perbuatan manusia itu adalah termasuk perkara yang diciptakan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana Dia adalah pencipta bagi segalanya namun pelaku bagi perbuatan itu ialah manusia. Perbuatan manusia pula berkait dengan ikhtiyar yang menjadi sebab dan musabab sesuatu itu berlaku.

Setiap perbuatan manusia akan dipertanggungjawabkan dan diperhitungkan kerana ia dilakukan dengan ikhtiyar manusia setelah Allah Subhanahu wa Ta'ala menjelaskan kepada manusia jalan-jalan yang betul atau salah untuk diikutinya. *Ikhtiyar* juga adalah sebab diberikan pahala dan dosa. Jika seseorang

memilih untuk melakukan amal *shalih*, maka dia diberi pahala, jika dia memilih melakukan perkara mungkar, maka dia mendapat dosa dan jika dia memilih meninggalkan perkara kewajipan, dia akan mendapat seksa kerana meninggalkannya. Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala :

Tafsirnya : Maka sesiapa yang mengerjakan kebaikan sekalipun seberat dzarrah, nescaya dia akan melihatnya (ganjaran). Dan sesiapa mengerjakan kejahanan sekalipun seberat dzarrah, nescaya dia akan melihatnya (balasan).

(Surah az-Zalzalah : 7 - 8)

Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala lagi :

Tafsirnya : Sesiapa yang mengerjakan amalan-amalan salah maka (faedahnya) untuk dirinya sendiri, dan sesiapa yang berbuat kejahanan maka mudharatnya akan menimpa dirinya sendiri, dan Tuhanmu sekali-kali tidak berlaku zalm kepada hamba-hambaNya.

(Surah Fushshilat : 46)

Mengenai perkara menisbahkan suatu keburukan atau kejahanan kepada diri sendiri seperti seseorang mengatakan : "Yang buruk datangnya daripada diriku sendiri", Imam al-Bajuri *Rahimahullah* dalam kitabnya *Tuhfah al-Murid 'ala Jauharah at-Tauhid* menjelaskan :

Ertnya : Meskipun perbuatan itu, (dari sudut) baik dan buruknya adalah ciptaan Allah Ta'ala, namun sebagai adab (kepada Allah Ta'ala) hendaklah tidak dinisbahkan kepadaNya melainkan sesuatu yang baik, maka dinisbahkan perkara kebaikan itu kepada Allah Ta'ala dan (dinisbahkan) perkara keburukan itu kepada diri sendiri dari segi usaha (perlakuan), walaupun ia (perkara keburukan itu) dinisbahkan kepada Allah Ta'ala dari segi penciptaan.

Menisbahkan keburukan kepada diri sendiri membawa maksud bahawa keburukan yang menimpa diri itu disebabkan perlakuan hamba itu sendiri yang mengundang dosa kepada dirinya. Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala :

Tafsirnya : Apa juar kebaikan yang engkau perolehi maka ia adalah daripada Allah dan apa juar bencana yang menimpamu maka ia adalah daripada (kesalahan) dirimu sendiri.

(Surah an-Nisa' : 79)

Menurut Imam al-Qurthubi *Rahimahullah* dalam kitab *tafsirnya al-Jami'* Li Akham al-Qur'an, ayat di atas bermaksud apa-apa kebaikan yang diperolehi manusia seperti kesuburan tanaman, kemakmuran, kesihatan, keselamatan dan rezeki yang luas berpunca daripada limpah kurnia Allah Subhanahu wa Ta'ala kepada manusia, manakala apa-apa bencana atau keburukan yang menimpa manusia seperti bumi yang tandus, kesusahan dan rezeki yang sempit berpunca daripada dosa-dosa mereka sendiri.

Adapun menisbahkan perkara buruk kepada syaitan pula seperti seseorang mengatakan : "Yang buruk datangnya daripada syaitan" juga merupakan adab kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala. Menisbahkan perkara buruk kepada syaitan itu pernah dilakukan oleh Sayyidina Abu Bakr ash-Shiddiq *Radhiallahu 'anhu* ketika beliau ditanya persoalan mengenai *al-Kalalah*, sebagaimana kata Imam asy-Sya'bi *Rahimahullah* :

Maksudnya : Sayyidina Abu Bakr telah ditanya mengenai *al-Kalalah*, lalu beliau berkata: "Sesungguhnya aku akan mengatakan padanya (persoalan mengenai *al-Kalalah*) dengan pendapatku (ijtihad). Jika ia betul, maka ia daripada Allah, dan jika ia salah, maka ia daripadaku dan daripada syaitan. Aku berpendapat ia (*al-Kalalah*) ialah (seseorang yang meninggal dunia) yang tidak meninggalkan bapa atau anak (untuk mewarisi

hartanya)".

(Hadits riwayat ad-Darimi)
Dalam riwayat lain, 'Abdullah bin Mas'ud *Radhiallahu 'anhu* juga pernah menisbahkan perkara keburukan kepada diri beliau dan kepada syaitan dengan mengatakan :

Maksudnya : Aku akan mengatakan padanya berdasarkan ijithadku. Jika ia betul, maka ia daripada Allah semata-mata yang tiada sekutu bagiNya, dan jika ia salah, maka ia daripadaku dan daripada syaitan, dan Allah dan rasulNya adalah bebas daripadanya (kesalahanku).

(Hadits riwayat an-Nasa'i)

Menurut Imam as-Sindi *Rahimahullah* ketika mensyarah hadits riwayat Imam an-Nasa'i tersebut, maksud ungkapan "maka ia daripadaku dan daripada syaitan" ialah kesalahan pendapatnya itu berlaku atas sebab kekurangan ilmu dan atas sebab hasutan syaitan dan kesamaran terhadap kebenaran yang dilakukan oleh syaitan.

Dalam al-Qur'an, terdapat ayat-ayat yang menunjukkan tentang menisbahkan perkara kebaikan kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala dan menisbahkan perkara keburukan kepada diri manusia atau syaitan sebagai adab kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala walaupun pada hakikatnya, perkara baik dan buruk itu semuanya ciptaan Allah Subhanahu wa Ta'ala.



keburukan dinisbahkan kepada diri manusia atau syaitan sebagai adab kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala walaupun pada hakikatnya, perkara baik dan buruk itu semuanya ciptaan Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Dalam sebuah hadits yang diriwayatkan daripada Sayyidina 'Ali bin Abu Thalib *Karramallahu wajhah* mengenai bacaan doa *iftitah* yang pernah dibaca oleh Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, antara kandungan doa *iftitah* Baginda itu ialah :

Maksudnya : Semua kebaikan berada di bawah kuasaMu dan kejahanan tidak (kembali) kepadaMu.

(Hadits riwayat Muslim)

Dalam doa *iftitah* Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam di atas, Baginda menisbahkan kebaikan kesemuanya kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala dan Baginda tidak menisbahkan keburukan kepadaNya.

Imam an-Nawawi *Rahimahullah* menyebut dalam kitabnya *al-Minhaj Fi Syarh Shahih Muslim* bahawa Imam al-Khatthabi *Rahimahullah* dan lain-lain berpendapat bahawa dalam doa tersebut terdapat panduan bagi orang-orang Islam supaya memelihara adab ketika memuji Allah Subhanahu wa Ta'ala dengan menisbahkan perkara-perkara yang baik kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala dan tidak menisbahkan perkara-perkara selain kebaikan kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Walau bagaimanapun, menurut Imam an-Nawawi *Rahimahullah*, doa Baginda "dan kejahanan tidak (kembali) kepadaMu" itu wajib ditakwil kerana menurut madzhab *Ahl al-Haq*, kesemua kejadian atau perkara yang berlaku itu adalah ciptaan dan perbuatan Allah Subhanahu wa Ta'ala sama ada baik atau buruk. Berkenaan takwilan bagi doa tersebut di atas, Imam an-Nawawi *Rahimahullah* telah membawakan beberapa pendapat ulama bagi takwilan doa tersebut, antaranya ialah :

1. Kejahanan itu tidak dilakukan untuk *taqarrub* (mendekatkan diri) kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala.

2. Kejahanan itu tidak diterima oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana Allah Subhanahu wa Ta'ala hanya menerima segala perkataan yang baik dan amalan yang salih.

3. Sesuatu kejahanan itu tidak dikira jahat jika dinisbahkan kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana Allah Subhanahu wa Ta'ala menciptanya dengan hikmah (pengajaran) yang sempurna. Kejahanan hanya dikira jahat apabila dinisbahkan kepada makhluk-makhluk Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Demikian penjelasan mengenai menisbahkan perkara kebaikan kepada Allah Ta'ala dan perkara keburukan kepada diri sendiri atau syaitan.

KEDAI JAHIT MASIH JADI TUMPUAN KETIKA MUSIM PERAYAAN

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

GADONG, Isnin, 7 April. - Hari Raya Aidilfitri lazimnya diraikan selama sebulan dengan Majlis Rumah Terbuka dan tradisi kunjung mengunjung masih berlangsung sehingga minggu terakhir bulan Syawal.

Oleh itu, keinginan untuk tampil dengan baju baharu di musim Aidilfitri membuatkan segelintir individu masih tetap menghantar kain ke kedai jahit untuk tempahan baju raya semasa bulan Syawal

terutama bagi mereka yang mungkin tidak mempunyai kesempatan untuk melakukannya semasa bulan Ramadan kerana kesibukan kerja, urusan keluarga atau kekangan kewangan.

Tambahan pula, pada musim perayaan ini, orang ramai mengambil peluang untuk merakam detik istimewa dengan bergambar ramai bersama saudara mara dan sahabat handai.

Dayang Wanti binti Musilan, 49 tahun semasa ditemui bual.



Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia

Sila muat turun

PenggunaBijak



Justeru, memakai baju raya baharu yang cantik, sopan dan kemas seolah-olah menjadi satu kemestian semasa Hari Raya Aidilfitri ini.

Kedai jahit yang terus menerima tempahan semasa musim perayaan menunjukkan bahawa budaya menghantar kain untuk dijadikan baju raya masih relevan serta membantu mengekalkan semangat dan kemeriahian Aidilfitri.

Beberapa tukang jahit yang ditemui di sekitar Gadong memaklumkan mereka tidak menerima banyak tempahan untuk memotong baju raya semasa bulan Syawal berbanding pada bulan Ramadan.

Dayang Wanti binti Musilan, 49 tahun, yang berkhidmat sebagai tukang jahit di salah sebuah

perusahaan kedai jahit di sekitar Gadong berkata, mereka masih menerima tempahan untuk memotong baju raya semasa bulan Syawal ini.

"Memang setiap tahun, kami ada menerima tempahan daripada pelanggan semasa musim perayaan tetapi tidak begitu ramai," katanya semasa ditemui Pelita Brunei.

Dayang Wanti yang mempunyai pengalaman lebih 15 tahun dalam

bidang jahitan ini berkata, beliau selalunya dapat menyiapkan sepasang baju dalam masa dua hari.

"Alhamdulillah, walaupun pada masa ini terdapat banyak pilihan baju raya sedia siap dijual di pasaran sama ada di kedai atau platform dalam talian, namun masih ramai orang yang menghantar kain ke tukang jahit untuk dibuat baju raya sempena Aidilfitri," katanya.

MINDA PEMBACA

Mengukuhkan hubungan antarabangsa

MENGUKUHKAN hubungan antarabangsa adalah aspek penting dalam menjalin keamanan, kestabilan, dan kemakmuran dunia. Dalam era globalisasi ini, negara-negara di seluruh dunia semakin bergantung antara satu sama lain dalam pelbagai bidang seperti ekonomi, diplomasi, keselamatan, dan kebudayaan. Hubungan antarabangsa yang kukuh bukan sahaja memberi manfaat kepada negara terlibat, tetapi juga kepada dunia secara keseluruhan.

Salah satu cara utama untuk mengukuhkan hubungan antarabangsa adalah melalui kerjasama ekonomi. Negara-negara perlu memperluas jaringan

perdagangan dengan membuka pasaran mereka melalui perjanjian perdagangan bebas dan pelaburan bersama. Dengan menjalinkan hubungan ekonomi yang lebih rapat, negara-negara dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi, mengurangkan kemiskinan, dan mencipta peluang pekerjaan. Contohnya, perjanjian perdagangan seperti Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) membolehkan negara-negara anggota memperkuatkan sektor perdagangan mereka.

Selain itu, hubungan diplomatik yang kukuh antara negara sangat penting untuk memastikan keamanan dan kestabilan global. Melalui

diplomasi yang berkesan, negara-negara dapat mengelakkan ketegangan dan konflik yang boleh mencetuskan perpeperangan. Pertukaran pendapat dan penyelesaian masalah melalui rundingan adalah pendekatan yang lebih konstruktif berbanding kekerasan. Organisasi antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) memainkan peranan penting dalam menyalurkan komunikasi antara negara untuk menangani isu-isu global seperti perubahan iklim, keselamatan dunia, dan hak asasi manusia.

Selain itu, kerjasama dalam bidang pendidikan dan kebudayaan juga penting dalam mengukuhkan hubungan antarabangsa. Program

pertukaran pelajar, festival budaya, dan projek pendidikan antarabangsa membantu meningkatkan pemahaman dan saling menghormati antara negara. Dengan memperkenalkan nilai-nilai dan budaya masing-masing, negara-negara dapat mengurangkan prejudis dan membina hubungan yang lebih harmonis.

Secara keseluruhan, pengukuhan hubungan antarabangsa adalah kunci untuk mencapai dunia yang lebih aman, stabil, dan makmur. Melalui kerjasama yang erat dan saling menghormati, negara-negara dapat bersama-sama menghadapi cabaran global dengan lebih berkesan.

Nama : Muhammad Firdaus bin Sudirman
No. K/P : 01-127XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Pembayaran Dalam Talian : Selamat Atau Bahaya?' Tarikh Tutup : 9 April 2025
2. 'Galakkan Belia Ceburi Bidang Pertanian.' Tarikh Tutup : 16 April 2025
3. 'Bijak Memanfaatkan Media Sosial.' Tarikh Tutup : 23 April 2025

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

دعاء ممohen كقد الله سقایي ترسلامة درقد بلاء دان سکل جنیس فیاکیت

**DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA
DAN SEGALA JENIS PENYAKIT**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَنَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ۝ ۳ کالی۝ .

تَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ الْأَنَّامَاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ۝ ۳ کالی۝ .

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ أَسْمَهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي
السَّمَاءِ وَهُوَ أَكْبَرُ الْعَلِيمُ ۝ ۳ کالی۝ .

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ حَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ
اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ أَسْمَهِ دَاءً. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَخِنَاهُ وَبِاللَّهِ
أَحْتَسَنَاهُ وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَاهُ بِذِي الْعَزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ.
وَاعْتَصَمَنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَمِيِّ الَّذِي لَا
يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُنَاحِ، وَمِنْ سَيِّئِ
الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ اصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي
كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْطَّغْيَانَ وَالظَّاغُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ
وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيبُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ
شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝ ۳ کالی۝ .

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

**TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT
DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT**

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan anaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan juga di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

آية الكرسي

اللَّهُمَّ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذْنَا مُحَمَّدًا سِنَةً وَلَا نَوْمًا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ فَمَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْهُمْ إِلَّا إِذْنَنَّاهُ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُجِيبُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ وَسَعَ كُرْسِيُّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يَنْعُودُ حَفَظَهُمَا وَهُوَ عَلَى الْعَظِيمِ ﴿٦٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat ini 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna.

(صلوات تفرجية)

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَةً كَامِلَةً وَسِلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَسْخِلُ بِهِ الْعُقْدَ، وَتَنْفَرِخُ بِهِ الْكُرْبَ، وَتُقْضِي بِهِ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ الرَّغَائِبُ وَحُسْنُ الْحَوَائِجِ، وَيُسْتَسْقَى الْغَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى اللَّهِ وَصَحِيفِهِ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفْسٌ بِعَدِّ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabulah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahnnya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفارِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا أُسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي، فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبُ إِلَّا أَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan Mu daripada kejadian yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذَكْرُ بِچاءِنْ يَعْ مِبَاوا كِبَراً وَنَتوْغُنْ سَاعَتْ بَسْرَ كَفْدُ قَعْمَلَشْ (تَولُقْ بَلَاءَ)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

(3)

وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung juga).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسِبْنَا اللَّهَ وَنَعْمَ الْوَكِيلُ

(1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغْيِثُ

(5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأَفْوَضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.


Kenyataan Bagi Mendapatkan Tawaran Sebut Harga

Bilangan Rujukan:
JBBSB / SH / 2024-2025 / 82 / MTECH / 03

Tajuk Sebut Harga:
Quotation To Supply And Delivery Of Toner / Cartridge Printer For Bandar Seri Begawan Municipal Department, Ministry Of Home Affairs.

Hari, Tarikh Dan Jam Tutup:
Khamis,
24 April 2025.
Jam 2.00 Petang.

Keterangan Lanjut Boleh Diperoleh Dari:
Bahagian Pentadbiran,
Jabatan Bandaran
Bandar Seri Begawan,
Tingkat 4 Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Bandaran
Bandar Seri Begawan,
Jalan Perdana Menteri.



JABATAN PERHUTANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JPH / 1207-005 / TAW393R /
2024 – 2025
Pembelian Anak Pokok Bagi Projek-Projek Penanaman Mengaya RKN-12

Borang Pendaftaran Syarikat (jika belum berdaftar):
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Borang Tawaran:
BND15.00 (Tidak Dikembalikan)

Yuran Tawaran:
BND50.00
Tidak Dikembalikan

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
6 Mei 2025.
2.00 Petang.



UNISSA / LTK / MMKK / SNT (1TAHUN) / 2026

Tawaran Perkhidmatan Penyediaan Dan Penyajian Makanan Dan Minuman Kolej Kediaman Di Kampus Sinaut Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Bagi Tempoh Selama Satu (1) Tahun

Bayaran Yuran Tawaran:
BND30.00
Tidak Dikembalikan

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 6 Mei 2025.
jam 2.00 Petang.



Unit Teknologi Maklumat, Divisyen Pengurusan Korporat, Kementerian Pembangunan

Notis Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga:
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2025 / Q01
Invitation To Supply And Delivery Of 'HP' Printer Printing Toner Cartridges For Ministry Of Development

Bayaran Bagi Setiap E-Dokumen
Sebut Harga:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Buka:
Isnin,
7 April 2025

Tarikh Akhir Pembelian dan Pembayaran:
Khamis,
17 April 2025.

Tarikh Tutup:
Isnin,
21 April 2025.
Sebelum 9.00 Pagi.



Sebut Harga Bagi Membekal, Memasang, Menguji Dan Menguruskan 5 Unit

'Speed Monitoring Devices' Bagi Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya, Kementerian Pengangkutan Dan Infokomunikasi

Rujukan Sebut Harga:
TSD / MTIC / 2025/01

Tarikh Tutup:
Rabu,
16 April 2025.



**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

Jemputan Untuk Memberi Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / JAN / 014 / 2025

Tajuk Tawaran:
Supply and Delivery of Load Gear Bearings Spare Parts For Frame 5 Gas Turbines at DES Power Station

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / JAN / 015 / 2025

Tajuk Tawaran:
Supply and Delivery of Spare Parts For Frame 5 Gas Turbines At

SHOASSKW Power Station Lumut

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup:
22 April 2025.
Selasa,
Jam 2.00 Petang.

Tempat Tutup :
"Tender Box"
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri
Bangunan Jabatan Perdana Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan,
BB3913
Negara Brunei Darussalam.



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada Pemborong-pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
II (II & III) sahaja

Kategori:
KA01 & E05 Sahaja
– Kod Baharu

Bilangan Tawaran:
JKR / DDS 014 / 2025 – (CDE).T.II

Nama Projek:
Kerja-kerja Pemindahan Kabel Elektrik, HV dan LV di Simpang 421, Kg Subok

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:
Selasa,
29 April 2025

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
13 Mei 2025.
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang.



Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas :
II & III sahaja

Kategori :
KA01 (kod baharu)

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 005 / 2025

Nama Projek :
Kontrak Penggal Bagi Kerja Operasi dan Penyelenggaraan Sistem Hawa Dingin bagi Daerah Belait untuk tempoh 24 Bulan

No. Projek :
2025ADKB / 2106 / 003002-001

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa,
22 April 2025.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
6 Mei 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.





JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada
Konsultan-Konsultan C & S
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan

Bilangan Tawaran:
JKR / RFQ / DDS / 11 / 2025

Nama Projek:
Request for Quotation (RFQ) Civil
and Structural Engineering
Consultancy Services for
Brunei Darussalam Drainage
Master Plan, Sg. Belait and
Temburong Floodplain
Management Studies.

Yuran Tawaran:
BND100.00 bagi setiap tawaran
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa,
13 Mei 2025.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
10 Jun 2025.
Tidak lewat dari Jam 2.00 Petang.



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas:
III & IV sahaja

Kategori:
KA01

**Tarikh Mengambil Dokumen
Tawaran:**
9 April 2025

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**

Selasa,
6 Mei 2025.
Tidak Lewat dari Jam
3.00 Petang.

Tarikh Tutup Tawaran:

Selasa,
11 Mac 2025.
Tidak lewat jam
12.00 Tengah Hari.

Bilangan Tawaran:
JKR / DOR / SRC 06 / 2025

Nama Projek:
Road Circulation, Drop Off / Pick
Up Area dan Letak Kereta
Sekolah Rendah Abdul Rashid
Tanjong Maya, Daerah Tutong

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
IV atau V

Kategori:
M01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**

Selasa,
22 April 2025.

Tarikh Tutup:

Selasa,
6 Mei 2025.

Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-ACM /
09 / 2025

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi
Operasi dan Kerja-Kerja
Pemeliharaan Sistem
Hawa Dingin Bagi 'Group
Location 2' Untuk Tempoh
Dua (2) Tahun.

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
IV atau V

Kategori:
M01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**

Selasa,
22 April 2025.

Tarikh Tutup:

Selasa,
6 Mei 2025.

Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-ACM / 08 /
2025

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi
Operasi dan Kerja-Kerja
Pemeliharaan Sistem Hawa
Dingin Bagi VVIP Group Location
Istana-Istana Untuk Tempoh
Tiga (3) Tahun.

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)



KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI

Pusat Kebangsaan
E-Kerajaan,
Kementerian Pengangkutan
Dan Infokomunikasi

Bilangan Tawaran:
EGNC / PM / 4.1 / 6.2024
GOV.BN 2.0,
Pusat Kebangsaan E-Kerajaan
(EGNC),
Kementerian Pengangkutan
Dan Infokomunikasi (MTIC)

**Bayaran Yuran Tawaran dan
E-Dokumen Tawaran:**
BND2005.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
20 Mei 2025.
Jam 2.00 Petang.



JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI

Tajuk Tawaran:
Term Contract For One (1) Year Of
Maintenance Of Existing Lighting
And Electrical Accessories At
Department Of Civil Aviation
Building,
Brunei International Airport
AME / 2025-2026 / SH-07 / R
(Kelas III / IV / V)

Tajuk Tawaran:
Kerja-Kerja Lanskap Di Kawasan
Hujung Landasan 21,
Jabatan Penerbangan Awam Bagi
Tempoh 1 Tahun (12 Bulan)
AME / 2025-2026 / SH-12
(Kelas I & II ke atas)

Tajuk Tawaran:
Kerja-Kerja Lanskap Serta



Pemeliharaan Di Sepanjang
Kawasan Western Parallel
Taxiway, Jabatan Penerbangan
Awam Bagi Tempoh 1 Tahun
(12 Bulan)
AME / 2025-2026 / SH-13
(Kelas I & II ke atas)

Tajuk Tawaran:
To Repair Street and Compound
Lighting P1 Parking,
Brunei International Airport
AME / 2025-2026 / SH-14
(Kelas III / IV / V)

Tajuk Tawaran:
Demolition of Concrete Side Kerb
Near Echo 2 / Northern Parallel
Taxiway and Concrete Box at
Ground Adjacent to Threshold
Runway 21 & 03
AME / 2025-2026 / SH-15
(Kelas II ke atas)

Tajuk Tawaran:
Re-Stripping and Reinstatement
Work of Apron Marking at
Brunei International Airport
AME / 2025-2026 / SH-16
(Kelas II ke atas)

Tajuk Tawaran:
Perkhidmatan Pembersihan
Bangunan Kawalan Lalu Lintas
Udara Bagi Tempoh 24 Bulan
(2 Tahun)
AME / 2025-2026 / SH-17
(Kelas I & II ke atas)

Tajuk Tawaran:
Pengendalian Pembersihan
Bangunan (Cleaning Service)
Bangunan Pentadbiran (DCA
Building) Bagi Tempoh 2 Tahun
(24 Bulan)
AME / 2025-2026 / SH-18
(Kelas I & II ke atas)

Tajuk Tawaran:
Term Contract for Air Conditioning
Maintenance To "DCA Building"
For A Period of Six (6) Months
AME / 2024-2025 / SH-19
(Kelas V ke atas)

**Tarikh iklan / mengambil
dokumen Sebut Harga:**
9 April 2025,
Rabu.

Tarikh terakhir mengambil



Dokumen Sebut Harga:
22 April 2025, Selasa.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Tarikh Tutup Sebut Harga:
23 April 2025.
Rabu.

Kepada:
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Aras Bawah,
Seksyen Kewangan, Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan dan
Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam



Keterangan:
Membekal Dan Menghantar
Plak Bagi Majlis Penghargaan
Pelajar Cemerlang
Peperiksaan Bersijil SPUB
Dan O 'Level', Sekolah Arab
Sultan Haji Hassanal Bolkiah,
Rimba,
Negara Brunei Darussalam,
Tahun 1446H / 2024M

Bayaran Yuran Tawaran
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu,
9 Zulkaedah 1446H /
7 Mei 2025M.
Tidak lewat jam
2.00 Petang.



KETAHUI SUMBER GARAM AWDA



كمترین كصيحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

**GARAM TERDIRI
DARI 40% SODIUM**



1

Pilih makanan segar dan tidak berproses

2

Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat



3

Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam

4

Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin

5

Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk

JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

1385 mg



1 bungkus
Mee Segera

1000 mg



Sebijii
Telur Masin

880 mg



1 sudu makan
Kicap

376 mg



3 sudu makan
Corned Beef

295 mg



1 bungkus kecil
Keropok Ubi Kentang

243 mg



1 bungkus kecil
Keropok Udang
Tempatan

120 mg



1 cawan
Kentang Goreng

116 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Salted)

15 mg



3 keping
Kraker Beras

2.4 mg



1/2 cawan
Amping

1.7 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Unsalted)

1.2 mg



Sebijii ukuran sederhana
Pisang

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok



hpcbrunei



Health Promotion Centre



Talian Darussalam 123

HARI RAYA ERATKAN IKATAN PERSAUDARAAN



SESI bergambar ramai Keluarga Allahyarham Abg. Abd. Ghani bin Abg. Ahmad dan Allahyarhamah Dayang Hajah Mariam binti Menudin pada Sambutan Hari raya Aidilfitri yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Tutong.

Berita dan Foto : Ihsan Zaki Phk

TUTONG, Isnin, 7 April. - Meskipun bulan Syawal sudah memasuki hari ketujuh, kemeriahannya masih terasa dengan kunjungan ke rumah keluarga dan rakan-rakan.

Sambutan Hari Raya Aidilfitri ini digunakan sebaiknya oleh umat Islam di negara ini sebagai masa untuk berkumpul bersama keluarga, baik yang dekat maupun yang jauh.

Keluarga Allahyarham Abg. Abd. Ghani bin Abg. Ahmad dan Allahyarhamah Dayang Hajah Mariam binti Menudin adalah antara keluarga besar yang mengadakan majlis seumpamanya di Dewan Kemasyarakatan Tutong, baru-baru ini.

Seramai 200 ahli keluarga besar

berkenaan berkumpul dalam satu majlis Sambutan Hari Raya keluarga tersebut yang diadakan dengan objektif untuk mengeratkan persaudaraan dalam kalangan ahli keluarga berkenaan.

Acara yang amat dinantikan itu juga dihasratkan untuk memudahkan ahli keluarga berziarah antara satu sama yang lain bagi mengeratkan lagi ikatan saudara yang jauh mahu pun yang dekat.

Majlis turut diisikan dengan sesi penyampaian cenderahati hadiah bertuah sambil menikmati juadah makanan hari raya. Persembahan-persembahan menarik seperti dendangan lagu-lagu raya daripada ahli-ahli keluarga tersebut juga

menyemarakkan lagi majlis berkenaan.

Sementara itu, pelbagai aktiviti turut diadakan bagi kanak-kanak dan keluarga dewasa di samping sesi bergambar ramai.

Sesungguhnya acara Sambutan Hari Raya seumpama ini sedikit berbeza berbanding kebiasaan Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang diadakan di negara ini sejak puluhan tahun dahulu di mana tradisi berkunjung ke rumah-rumah ahli keluarga terdekat amat sinonim dengan Sambutan Hari Raya.

Namun oleh kerana keterbatasan masa dan sebagainya, Sambutan Hari Raya keluarga di dewan atau hotel seumpama ini dapat memudahkan lagi ahli keluarga berjumpa antara satu sama yang lain dalam satu tempat dan masa yang sama.

BDMD
Brunei Darussalam Meteorological Department

NETARAK BULAN DAN NEGERI

•••〇〇〇〇〇

ELAKKAN MEMANDU DI LORONG KANAN

Kenderaan lain yang datang dari arah berlawanan mungkin akan melanggar lopak air lalu ia akan menyebabkan air terpercik memenuhi cermin hadapan kereta dan menghalang penglihatan anda

BERHENTI DI TEMPAT YANG SELAMAT UNTUK MENGELOAKKAN KEMALANGAN

Berhenti sementara jika hujan bertambah lebat dan penglihatan awda terjejas akibat kabus dan cuaca yang gelap

f bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

Tip

Pendidikan



Tip ajar anak mengaji tanpa paksaan

• **KENALKAN huruf guna kad imbasan** - Ajar anak awda mengenal huruf-huruf hijaiyah dengan menggunakan pendekatan bermain menggunakan kad imbasan. Perkenalkan Alif Ba Ta kepadanya secara berperingkat untuk menarik minat mereka.

• **Guna alunan lagu semasa mengaji** - Awda boleh menggunakan teknik nyanyian atau alunan lagu berunsurkan ayat-ayat suci Al-Quran. Tarik perhatian mereka dengan alunan yang menarik minat mereka dengan sebaiknya. Di dalam kereta awda perlu biasakan memasang CD mengaji setiap hari. Kanak-kanan diusia awal ini lebih mudah untuk 'tangkap' dengan apa yang didengarnya. Jadi, jika mereka dengar dengan kerap, maka pastinya mereka akan mudah untuk mengikutnya. Sentiasa juga mengucapkan kalimah Allah walaupun di mana berada.

• **Beli buku yang menarik mengenai mengaji** - Disiplinkan diri awda dan anak awda untuk mengaji sekiranya mungkin. Curi masa dalam 15-20 minit sehari untuk mengajar anak. Beli buku-buku bacaan untuk mereka yang menarik. Bacakan surah pada anak sebelum mereka tidur malam dan sebelum mereka bangun dari tempat tidur waktu pagi.

• **Tampal abjad jawi di dinding** - Awda juga boleh menggunakan teknik dengan menampal abjad jawi dengan jelas di tempat yang senang dan selalu dilihat. Tampal pelekat di dalam biliknya dengan menggunakan kertas yang bersaiz besar yang mengandungi huruf jawi tersebut. Lebih banyak mereka melihat huruf tersebut, lebih mudah untuk huruf tersebut dapat teremas di dalam ingatannya. Jadi, tumpallah di tempat yang di mana mereka akan mudah nampak dan kerap berada di situ.

• **Ajar membaca doa** - Awda perlulah membiasakan diri untuk mengajar anak awda membaca doa. Doa makan, doa masuk dan keluar tandas, doa sebelum tidur dan bangun tidur, doa memulakan pembelajaran, doa naik kendaraan dan lain-lain lagi. Dengan doa, ia dapat melembutkan hati mereka.

Nota: Ingat, jangan sesekali awda memaksa anak untuk mengaji dengan merotan atau memarahi mereka. Itu akan membuatkan mereka hilang rasa seronok untuk belajar mengaji dengan sukarela. Jika mereka kerap dipaksa untuk mengaji, berkemungkinan kelak mereka akan rasa tak suka dan benci untuk belajar mengaji.

GALAKKAN ANAK-ANAK KEMBALI KE SEKOLAH DALAM SUASANA AIDILFITRI

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 April. - Kemeriah Sambutan Hari Raya Aidilfitri membawa kegembiraan bagi umat Islam di negara ini.

Suasana rumah yang meriah, juadah yang lazat dan kunjungan ke rumah saudara-mara pastinya memberikan pengalaman yang menyeronokkan terutama kepada kanak-kanak yang menerima duit raya apabila menziarahi rumah semasa bulan Syawal ini.

Justeru, mungkin terdapat sesetengah pelajar yang berasa kurang bersemangat untuk

kembali ke sekolah semasa bulan Syawal ini kerana masih terbawa-bawa dengan keseronokan Sambutan Hari Raya.

Meskipun suasana raya masih terasa, tanggungjawab sebagai pelajar tetap perlu diutamakan dan para pelajar perlu kembali memberikan tumpuan kepada tugas sekolah.

Oleh itu, penting untuk mereka mengurus masa dengan baik supaya pelajaran tidak diabaikan walaupun masih berada dalam mood Hari Raya.

Dalam hal ini, ibu bapa memainkan peranan penting dalam menyuntik kembali semangat para pelajar agar mereka kembali ke sekolah dengan ceria dan bersemangat.

Ini boleh dilakukan dengan mengembalikan semula jadual rutin harian yang biasa dilakukan oleh anak-anak semasa musim persekolahan termasuk menyelesaikan kerja rumah, menyediakan barang keperluan pada malam sebelumnya dan tidur lebih awal.

Selain itu, berbual-bual bersama anak-anak mengenai aktiviti

menarik di sekolah dan kawan-kawan semasa dalam perjalanan menghantar mereka ke sekolah dapat membantu mencetuskan keterujaan mereka untuk kembali fokus kepada pelajaran.


Ibu bapa juga boleh menimbulkan sedikit suasana ceria Aidilfitri dalam rutin persekolahan harian anak-anak dengan memberikan bekal kek dan kuih raya untuk mereka bawa ke sekolah.

Anak-anak bukan sahaja dapat menikmati juadah istimewa dan berkongsi kegembiraan bersama

rakan-rakan mereka, malahan mereka juga dapat merasai kemeriah suasana Aidilfitri walaupun berada di sekolah.

Di samping itu, memainkan lagu-lagu raya kegemaran pada waktu pagi sebelum anak-anak pergi ke sekolah dapat membangkitkan mood ceria Aidilfitri.

Usaha-usaha ini bukan sahaja dapat mewujudkan suasana Aidilfitri, tetapi juga mendidik anak-anak mengenai nilai-nilai penting dalam kehidupan termasuk kesyukuran, kekeluargaan dan saling berkongsi rezeki.



IBU bapa memainkan peranan penting dalam menyuntik kembali semangat para pelajar agar mereka kembali ke sekolah dengan ceria dan bersemangat.

Kementerian Kesihatan
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Pengenalan:
Program pemeriksaan kesihatan membolehkan pengesanan dan rawatan awal bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit walaupun awda tidak ada mempunyai sebarang tanda-tanda penyakit tersebut

Penyakit-penyakit tidak berjangkit adalah seperti:

- Tekanan darah tinggi
- Kolesterol tinggi
- Kencing manis
- Kanser

Terdapat **4** program pemeriksaan kesihatan yang diberikan iaitu:

Pemeriksaan faktor risiko kardiovaskular Terbuka kepada: Warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang: 1. Berumur 40 tahun dan ke atas; dan 2. Tidak mempunyai perjalan berterusan di pusat kesihatan atau klinik pokar di hospital bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti penyakit tekanan darah tinggi, kencing manis, penyakit jantung dan strok.	Pemeriksaan kanser kolorektal Terbuka kepada: Warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang: 1. Berumur 50-70 tahun dan 2. Tidak pernah menghadap kanser kolorektal (usus); dan 3. Tidak menjalani ujian nafis untuk mengesan darah dalam tempoh 2 tahun kebelakangan; dan 4. Tidak menjalani kolonoskopi dalam tempoh 10 tahun kebelakangan.
Pemeriksaan kanser payudara Terbuka kepada: Warganegara dan penduduk tetap (wanita) Negara Brunei Darussalam yang: 1. Berumur 50-70 tahun; dan 2. Tidak pernah menghadap kanser payudara; dan 3. Tidak menjalani pemeriksaan mammogram dalam 3 tahun kebelakangan.	Pemeriksaan kanser serviks Terbuka kepada: Warganegara dan penduduk tetap (wanita) Negara Brunei Darussalam yang: 1. Berumur 25-65 tahun; dan 2. Pernah melakukan hubungan seksual; dan 3. Tidak pernah menghadap kanser serviks; dan 4. Tidak menjalani ujian Pap (Pap Test) dalam tempoh 3 tahun kebelakangan.

#SihatHasratKu
www.ppkk.gov.bn | health.screening@moh.gov.bn | Talian Darussalam 123



Bubuk Goreng Pedas RPN Kampung Mentiri

Foto : Norliah Md. Zain

BAHAN-BAHAN :

Satu mangkuk bubuk yang sudah dibersihkan
Dua biji bawang merah (dihiris)
Empat tangkai lada susu (dihiris)
Empat tangkai lada Thailand merah (dihiris)

1 tangkai lada hidup (dihiris)

Sedikit serbuk kunyit
Garam secukupnya
Ajinomoto secukupnya

CARA MEMASAK :

Tumis bawang merah hingga naik bau lalu masukkan kesemua

lada. Tumis hingga garing. Setelah itu masukkan bubuk dan bubuh serbuk kunyit. Gorenglah hingga bubuk garing. Bubuh garam dan ajinomoto secukupnya. Sedap dimakan bersama nasi panas.

JAGA KESIHATAN, KESELAMATAN KETIKA CUACA TIDAK MENENTU



Oleh : Khartini Hamir
Foto : Alishahrin Haji Mumin

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 April. - Memang penting untuk menjaga kesihatan dan keselamatan terutamanya apabila cuaca tidak menentu, dan berikut adalah beberapa langkah yang boleh diambil untuk melindungi diri dalam keadaan cuaca yang berubah-ubah, antaranya dengan memakai pakaian yang sesuai.

Pastikan awda mengenakan pakaian yang sesuai mengikut keadaan cuaca, jika cuaca hujan atau sejuk, pakailah jaket kalis air dan kasut yang sesuai dan begitu juga ketika cuaca panas, pastikan anda memakai pakaian yang ringan dan selesa.

Cuaca yang panas atau lembap juga boleh menyebabkan penyahhidratan, pastikan awda sentiasa minum air yang mencukupi untuk mengelakkan masalah penyahhidratan, terutamanya apabila cuaca terlalu panas atau lembap.

Jika cuaca tidak stabil, seperti

semasa ribut atau hujan lebat, elakkan keluar rumah jika tidak perlu, namun jika perlu untuk keluar, pastikan anda memakai pelindung diri seperti payung atau baju pelindung hujan.

Sentiasa kemas kini diri dengan ramalan cuaca terkini supaya awda boleh merancang aktiviti dan persiapan dengan lebih baik.

Hati-hati semasa memandu, jika awda perlu memandu semasa cuaca buruk, pastikan awda memandu dengan berhati-hati, jarakkan kenderaan awda dan elakkan memandu terlalu laju terutamanya dalam keadaan kabus atau hujan lebat.

Selain itu, cuaca panas atau sejuk juga boleh memberi impak pada tubuh kita, oleh itu jangan lupa untuk memberi perhatian kepada tanda-tanda keletihan, seperti pening, loya, atau berpeluh berlebihan.

Awda disarankan untuk menyediakan kelengkapan dan keperluan kecemasan, antaranya dengan memastikan rumah atau kenderaan anda dilengkapi dengan



MENGAMBIL langkah berjaga-jaga dapat membantu awda kekal selamat dan sihat semasa cuaca tidak menentu.

bekalan kecemasan seperti lampu suluh, bateri tambahan, makanan yang mudah dimakan, dan ubat-ubatan yang diperlukan.

Mengambil langkah berjaga-jaga ini dapat membantu awda kekal selamat dan sihat semasa cuaca tidak menentu.

Namun terdapat juga beberapa langkah tambahan untuk menjaga kesihatan dan keselamatan semasa cuaca tidak menentu, antaranya dengan melindungi kulit daripada sinaran matahari.

Jika cuaca panas atau terik, pastikan anda melindungi kulit dengan memakai pelindung matahari (*sunscreens*) yang sesuai, gunakan juga topi, kaca mata hitam, dan pakaian berlengan panjang jika perlu untuk mengurangkan risiko terbakar kulit (*sunburn*).

Jika cuaca menjadi sangat sejuk, pastikan anda berpakaian berlapis-lapis dengan pakaian yang boleh menahan angin dan

dapat menjaga suhu badan yang optimum, elakkan berada di luar terlalu lama ketika suhu sangat rendah. Jangan lupa untuk memakai sarung tangan, topi, dan selendang untuk melindungi anggota badan yang terdedah.

Hati-hati dengan banjir, sekiranya cuaca buruk menyebabkan banjir, jangan cuba menyeberangi kawasan yang terendam air. Banjir boleh berlaku dengan cepat dan air yang mengalir sangat berbahaya. Pastikan awda berada di tempat yang tinggi dan selamat.

Patuh arahan pihak berkuasa, jika terdapat amaran atau nasihat daripada pihak berkuasa mengenai cuaca buruk, seperti ribut tropika atau taufan, pastikan awda mengikut arahan mereka dengan teliti, sebagai contoh, mengelakkan perjalanan atau berpindah ke tempat yang lebih selamat jika diperlukan.

Selain itu, awda juga disarankan

untuk sentiasa mengekalkan suhu tubuh yang stabil, jika cuaca sangat panas atau sejuk, cuba kekal suhu tubuh yang stabil dengan mengelakkan perubahan suhu yang mendadak. Elakkan berada di dalam bilik yang terlalu panas atau terlalu sejuk. Jika perlu, gunakan penghawa dingin atau pemanas untuk menyesuaikan suhu.

Periksa peralatan rumah, jika cuaca buruk dijangka berlaku, pastikan semua peralatan di rumah, seperti tangki air, sistem penyairan, dan bumbung, dalam keadaan baik untuk mengelakkan masalah semasa cuaca tidak menentu.

Pantau orang yang lebih tua atau berisiko kerana orang yang lebih tua, kanak-kanak atau individu dengan masalah kesihatan kronik lebih berisiko terhadap cuaca ekstrem, pastikan mereka dalam keadaan selamat dan membantu mereka dengan keperluan asas seperti makanan, minuman, dan perlindungan daripada cuaca.

Keadaan cuaca yang buruk atau perubahan mendadak boleh menyebabkan stres. Ambil masa untuk berasah dan mencari cara untuk mengurangkan tekanan, seperti mendengar muzik, meditasi, atau berbual dengan orang tersayang.

Dengan mengambil langkah-langkah tambahan ini, awda akan lebih bersedia untuk menghadapi keadaan cuaca yang tidak menentu dan memastikan keselamatan serta kesihatan terjaga dengan baik.

Pantau anak-anak ketika menggunakan media sosial



IBU bapa perlu sentiasa memantau dan membimbing anak-anak agar mereka bukan sahaja celik digital, tetapi juga bijak dan beretika ketika berada di alam maya.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohammad Hasif Matzin

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 April. - Media sosial menjadi sebahagian besar daripada kehidupan harian, termasuk dalam kalangan kanak-kanak dan remaja terutama sekali di era serba digital ini.

Platform seperti TikTok, Instagram, WhatsApp, dan Discord menawarkan ruang untuk berinteraksi dan berkongsi maklumat, namun pada masa yang sama, ia turut membawa risiko terutama berkaitan dengan buli siber.

Buli siber merujuk kepada

tingkah laku agresif yang dilakukan melalui platform digital seperti menghantar mesej berunsur hinaan, menyebarkan fitnah, atau memalukan seseorang secara terbuka dalam talian.

Kanak-kanak yang menjadi mangsa sering mengalami tekanan emosi, hilang keyakinan diri, malah dalam kes yang serius, boleh membawa kepada kemurungan dan pemikiran membunuh diri.

Ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam memastikan anak-anak menggunakan media

sosial secara sihat dan selamat dengan mengwujudkan hubungan yang mesra dan terbuka supaya anak-anak berasa selesa berkongsi pengalaman mereka di media sosial.

Gunakan fungsi kawalan ibu bapa (*parental control*) untuk mengehadkan masa penggunaan dan menetapkan kandungan yang sesuai mengikut umur dan kenali platform yang digunakan anak dan ikuti akaun mereka jika perlu serta berbincang bersama tentang etika penggunaan media sosial.

Ajar anak-anak untuk tidak berkongsi maklumat peribadi, menolak permintaan orang yang tidak dikenali, dan melaporkan jika perlu.

sebarang tingkah laku mencurigakan.

Jika anak menjadi mangsa buli siber, kumpul bukti, lapor kepada pihak sekolah, platform media sosial, atau pihak berkuasa jika perlu.

Media sosial boleh menjadi alat yang berguna jika digunakan dengan bijak.

Oleh itu, ibu bapa perlu sentiasa memantau dan membimbing anak-anak agar mereka bukan sahaja celik digital, tetapi juga bijak dan beretika ketika berada di alam maya.

Lindungi anak-anak daripada ancaman buli siber dengan pengetahuan, sokongan dan pengawasan yang berterusan.

**NATIONAL ROAD SAFETY COUNCIL
BRUNEI DARUSSALAM**

Hari itu adalah hari terakhirnya menaiki basikal.

Lelaki, 49 tahun

**Keselamatan Jalan Raya
bergantung kepada Awda dan Saya**

mkkjrbrunei www.mkkjr.gov.bn

JAUH DI MATA DEKAT DI HATI...

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail

WALAUPUN jarak jauh beribut batu tetapi keindahan suasana berhari raya di negara sendiri di samping keluarga tetap menjadi harapan setiap tahun bagi mereka yang berada di luar negara. Pada Hari Raya Aidilfitri ini tidak semua orang dapat menikmatinya bersama-sama keluarga tercinta apatah lagi pada mahasiswa dan mahasiswi yang melanjutkan pelajaran di luar negeri yang

membataskan mereka untuk pulang ke tanah air atas sebab-sebab tertentu terutama masih menduduki peperiksaan. Mereka terpaksa beraya di perantauan berjauhan dengan keluarga dan saudara-mara.

Jauh daripada beliaian dan gurau senda keluarga merupakan detik yang sangat menyedihkan tetapi mereka tetap berusaha agar tabah dan sabar semata-mata untuk menggapai impian menuju kejayaan yang diimpikan. Begitu juga dengan tuntutan kerja di luar negara serta keadaan yang tidak

membolehkan untuk pulang ke negara asal, hanya mampu untuk mengirim doa dan ucapan untuk berbagi rasa kegembiraan pada bulan Syawal yang diraikan.

Menyelami perasaan mereka yang berada di luar negara, Pelita Brunei menampilkan beberapa luahan perasaan rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang menyambut Hari Raya di luar negara pada tahun ini.

United Kingdom

Nama : Awang Muhammad Hadi Zharfan bin Muhammad Amir Sharifuddin
Universiti dan Negara : University of Strathclyde, Glasgow, United Kingdom

ALLAHU Akbar, Allahu Akbar,
Allahu Akbar, Walillahil Hamd,
saya Muhammad Hadi Zharfan bin
Muhammad Amir Sharifuddin dari
University of Strathclyde, Glasgow,
United Kingdom ingin mengucapkan
Selamat Hari Raya Aidilfitri Maaf Zahir
dan Batin kepada ayahanda dan bonda
yang dikasihi. Tidak lupa juga ucapan ini
ditujukan kepada nenekanda yang
berada di Kampung Kiarong dan di
Kampung Katimahar serta uncles,
aunties and cousins di mana saja
mereka berada. Walaupun tahun ini
merupakan pertama kali saya
menyambut Hari Raya di luar negara
tanpa keluarga di sisi tetapi kemeriahannya
tetap dirasa apabila bersama
kawan-kawan meraikan Hari Raya di
sini. Salam Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin
kepada semua.



Australia

Nama : Dayang Nur Aqilah binti Haji Jefri
Universiti dan Negara : Queensland University of Technology, Brisbane,
Australia (QUT)
Jurusan : Bachelor in Media & Communication Technology

MERAIKAN lebaran Aidilfitri di perantauan merupakan salah satu pengalaman yang agak bermakna bagi diri saya. Rasa rindu yang semakin berkobar saat berjauhan daripada keluarga tercinta, sanak saudara dan sahabat handai. Namun dalam masa yang sama ada rasa syukur nikmat bertemu dengan rakan-rakan seperjuangan di perantauan untuk berkumpul meraikan hari kemenangan bersama-sama serta dapat merawat rasa rindu yang tersimpan.

Tibanya Syawal meraikan kemenangan Ramadan, Mendengar takbir raya saat mensyukuri nikmat-Nya, Hati gembira menyambut lebaran, Dengan rakan perantauan berkongsi ceria.

Di pagi hari raya merindui orang yang tercinta, Walau jauh di mata namun dekat dalam jiwa, Doa dipanjang tulus di hati, Moga sejahtera kekal abadi.

Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin, Dari diri yang jauh di perantauan, Mengharap kasih tak pernah luput di ingatan.



Jepun

Nama : Dayang Husna Nadhirah binti Haji Mohd. Serudin
Universiti dan Negara : National Graduate Institute of Policy Studies (GRIPS), Tokyo, Jepun

SELAMAT Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin dari saya, Husna Nadhirah binti Haji Mohd. Serudin, pelajar dari National Graduate Institute of Policy Studies (GRIPS), Tokyo. Salam penuh keberkatan, kebahagiaan, dan kejayaan diucapkan kepada keluarga, sahabat, dan rakan-rakan kerja di Negara Brunei Darussalam.

Mesir

Nama : Dayang Ummi Faraiyah binti Abu Bakar
Universiti dan Negara : Universiti Al-Azhar, Republik Arab Mesir
Jurusan : Pelajar Tahun 1, Jurusan Syariah Islamiyah

ASSALAMU'ALAIKUM Warahmatullahi Wabarakatuh, Bismillaahir Rahmaanir Raheem, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Walillahil Hamd. Saya, Ummi Faraiyah binti Abu Bakar, Pelajar Tahun 1, Jurusan Syariah Islamiyah, Universiti Al-Azhar, Republik Arab Mesir ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri Maaf Zahir dan Batin terutama kepada kedua orang tua saya berserta seluruh sanak saudara, sahabat handai dan umat Islam yang berada di Negara Brunei Darussalam.

Tahun ini merupakan pengalaman pertama berjauhan bersama keluarga menyambut Hari Raya di perantauan, terasa sebak apabila mengingatkan kebersamaan bersama keluarga saat ini. "Hari Raya adalah saat yang tepat untuk mempererat hubungan kasih sayang, semoga kebahagiaan selalu menyertai keluarga kita."

Jika sebelum ini pernah terlanjur kata, tersilap bicara, terkasar perbuatan atau tersalah tingkah, ku susun 10 jari memohon ampun dan maaf dari hujung rambut hingga ke hujung kaki. Tiada manusia yang sempurna, namun setiap insan layak untuk dimaafkan dan memaafkan.



Kesimpulan

Hari Raya tidak akan pernah hilang kemeriahannya walaupun zaman sentiasa berubah. Sambutan Hari Raya berada jauh daripada keluarga juga membuatkan pelajar-pelajar kita yang berada di luar negara lebih menghargai hubungan silaturahim yang terjalin meskipun datang dari pelbagai negara dan latar belakang berbeza.

Ketupat pulut dimakan bersama rendang di pagi raya,
Duduk berhimpun bersama sanak saudara bergembira sepenuh hati,
Meskipun jauh di perantauan bersama teman menyambut Hari Raya,
Namun keluarga tersayang tetap tersemat di hati.



Bina masyarakat penyayang, prihatin, tanpa mengira keupayaan mereka

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Ihsan ABLE Brunei

HARI Sindrom Down Sedunia disambut pada 21 Mac setiap tahun sebagai simbol pengiktirafan terhadap individu yang dilahirkan dengan Sindrom Down, suatu kelainan genetik yang disebabkan oleh adanya kromosom ke-21 tambahan. Sindrom Down boleh dikenal pasti semasa bayi dilahirkan atau lebih awal melalui ujian saringan kromosom semasa dalam kandungan.

Di Negara Brunei Darussalam (NBD), sekitar 10 bayi dilahirkan dengan Sindrom Down setiap tahun dalam dua dekad kebelakangan ini.

Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh Pusat Perkembangan Kanan-Kanak (CDC), terdapat kira-kira 415 individu yang diketahui menghidap Sindrom Down di negara ini.

Sambutan Hari Sindrom Down Sedunia adalah sebagai platform untuk meningkatkan kesedaran tentang sindrom ini, serta memberikan penekanan terhadap hak-hak individu yang menghidapnya dan memupuk masyarakat yang lebih inklusif.

Tema Hari Sindrom Down Sedunia 2025 : 'Improve Our Support Systems'

Tema bagi Hari Sindrom Down Sedunia 2025 adalah 'Improve Our Support Systems', yang menampilkkan keperluan mendesak untuk meningkatkan sistem sokongan bagi individu dengan Sindrom Down.

Tema ini mengajak masyarakat global untuk memberi perhatian kepada pentingnya menyediakan pelbagai sokongan dalam aspek pendidikan, pekerjaan, dan perkhidmatan kesihatan untuk individu dengan Sindrom Down.

Dalam kebanyakan kes, individu Sindrom

Down memerlukan sokongan yang berterusan dalam menjalani kehidupan sehari-hari mereka, termasuk bantuan dalam membangun kemahiran sosial, pendidikan yang inklusif, dan peluang pekerjaan yang setara.

Pada masa ini, sistem sokongan yang tersedia di banyak negara, termasuk NBD, masih dalam tahap peningkatan. Peningkatan sistem sokongan ini penting untuk memastikan bahawa individu dengan Sindrom Down mendapat akses kepada peluang yang adil dan mampu menjalani kehidupan yang penuh dengan makna. Sama ada dalam bidang pendidikan, kesihatan, atau peluang pekerjaan, masyarakat perlu bekerjasama untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih baik dan lebih sesuai bagi memenuhi keperluan individu dengan Sindrom Down.

Peranan ibu bapa, komuniti

Peranan ibu bapa dan komuniti sangat penting dalam membantu individu dengan Sindrom Down mencapai potensi terbaik mereka. Ibu bapa memainkan peranan utama dalam menyediakan sokongan awal yang diperlukan untuk perkembangan kanak-kanak dengan Sindrom Down, sambil memupuk persekitaran yang positif di rumah. Mereka juga perlu diberi maklumat yang jelas dan sokongan untuk mengharungi cabaran dalam membesarkan anak-anak mereka.

Di NBD, CDC bekerjasama rapat dengan ibu bapa untuk memastikan mereka menerima sokongan yang diperlukan. CDC menyediakan pelbagai bentuk sokongan seperti penilaian kesihatan, terapi pertuturan, fisioterapi, dan terapi pekerjaan, yang semuanya bertujuan untuk membantu perkembangan fizikal dan mental kanak-kanak.

Selain itu, komuniti juga perlu memainkan peranan aktif dalam mencipta persekitaran yang lebih inklusif dan menerima individu dengan Sindrom Down.

Peranan ABLE Brunei dalam meningkatkan kesedaran

Satu organisasi penting yang memberi sokongan besar kepada individu dengan Sindrom Down di NBD adalah ABLE Brunei, yang merupakan sebuah badan bukan kerajaan (NGO) yang aktif dalam meningkatkan kesedaran tentang sindrom ini dan menyediakan sokongan kepada individu serta keluarga mereka.

ABLE Brunei menganjurkan pelbagai aktiviti termasuk program pendidikan, sukan, dan seni, yang bertujuan untuk memberi peluang kepada individu dengan Sindrom Down untuk berintegrasi dalam masyarakat. Mereka juga memainkan peranan utama dalam mengadvokasikan hak-hak individu dengan Sindrom Down, membantu mereka untuk mendapat akses kepada pendidikan dan pekerjaan yang setara.

Sokongan ABLE Brunei sangat penting dalam memastikan bahawa individu dengan Sindrom Down mendapat sokongan yang menyeluruh, dari aspek sosial hingga kepada peluang pekerjaan yang lebih baik. Selain itu, ABLE Brunei turut bekerjasama dengan pelbagai pihak, termasuk kerajaan dan sektor swasta, untuk mewujudkan peluang yang lebih banyak bagi golongan ini untuk berkembang dan menyumbang kepada masyarakat.

Sokongan sektor swasta, media

Sektor swasta juga memberi sokongan penting dengan menyediakan peluang pekerjaan dan latihan untuk individu dengan

Sindrom Down. Beberapa syarikat di negara ini juga telah mengambil inisiatif untuk menyediakan ruang latihan dan pekerjaan yang sesuai dengan keperluan individu ini.

Melalui sokongan sektor swasta dan media, masyarakat dapat lebih memahami cabaran yang dihadapi oleh individu dengan Sindrom Down dan bagaimana mereka boleh memberi sokongan.

Media tempatan seperti Radio Televisyen Brunei memainkan peranan dalam meningkatkan kesedaran awam tentang Hari Sindrom Down Sedunia, menyampaikan kisah-kisah kejayaan dan testimoni daripada individu dan keluarga yang terlibat dengan Sindrom Down. Liputan ini membantu memperkenalkan kisah-kisah inspirasi yang dapat memotivasi masyarakat untuk lebih menerima dan memberi sokongan kepada individu dengan Sindrom Down.

Kesimpulan

Melalui Sambutan Hari Sindrom Down Sedunia dan tema yang diangkat setiap tahun, kita semakin mendekati matlamat untuk mewujudkan masyarakat yang lebih inklusif dan memahami keperluan golongan ini.

Tema 2025, 'Improve Our Support Systems', menekankan keperluan untuk memperkuatkannya sistem sokongan bagi individu dengan Sindrom Down.

Kerjasama antara kerajaan, ABLE Brunei, dan sektor swasta adalah kunci untuk menyediakan sokongan yang berterusan, memastikan individu dengan Sindrom Down dapat hidup dengan penuh potensi dan memberi sumbangan kepada masyarakat.

Dengan sokongan yang berterusan, kita dapat membina masyarakat yang lebih penyayang, prihatin, dan menerima semua individu tanpa mengira keupayaan mereka.





PASARAN SAHAM ASIA MERUDUM SUSULAN TINDAKAN TARIF TRUMP

TOKYO, 7 April. - Pasaran saham Asia merudum selepas dibuka pada Isnin, berikutan impak tarif yang diperkenalkan oleh Presiden Amerika Syarikat (AS) Donald

Trump, lapor Sputnik/RIA Novosti. Setakat 02:11 GMT, indeks Nikkei 225 turun 6.04 peratus kepada 31,740, pulih daripada kejatuhan awal kepada paras terendah 18 bulan iaitu 30,629.50. Disebabkan turun naik harga

yang mendadak, Bursa Saham Osaka mengenakan sekatan sementara ke atas dagangan niaga hadapan sekuriti kerajaan.

Indeks Hang Seng Hong Kong merosot 9.38 peratus kepada 20,740, manakala Indeks Komposit

SSE Shanghai jatuh 6.04 peratus kepada 3,140.11.

Penganalisis mengaitkan kejatuhan indeks tersebut dengan pengenalan tarif oleh AS serta tarif balasan oleh China. Trump juga menandatangani perintah untuk

mengenakan tarif 25 peratus ke atas import kereta penumpang, trak ringan dan alat ganti kereta mulai 3 April, dengan menyatakan langkah itu perlu untuk melindungi keselamatan negara. - ©BERNAMA

Britain selesai ujian pendorongan hipersonik utama

LONDON, 7 April. - Saintis Britain telah menyelesaikan ujian pendorongan hipersonik utama yang bakal menggerakkan konsep peluru berpandu jelajah hipersonik

termaju, menurut kenyataan Kementerian Pertahanan Britain pada Ahad, lapor Xinhua.

Menurut Kementerian Pertahanan Britain, ujian

berkenaan dilaksanakan hasil kerjasama erat antara kerajaan Britain, pihak industri dan kerajaan Amerika Syarikat.

Sebanyak 233 ujian telah

dijalankan dalam pelbagai kelajuan hipersonik, menandakan langkah penting dalam meningkatkan keupayaan pertahanan Britain.

Penyelidikan itu bertujuan menyokong penghantaran penunjuk teknologi senjata

hipersonik menjelang 2030, yang bakal menyediakan keupayaan transformasi bagi memberikan kelebihan operasi kepada Angkatan Bersenjata Britain pada masa depan, menurut kenyataan itu. - ©BERNAMA

Nepal keluarkan permit mendaki Gunung Qomolangma musim ini

KATHMANDU, 7 April. - Nepal telah mengeluarkan permit kepada 77 pendaki untuk melakukan aktiviti pendakian Gunung Qomolangma yang tertinggi di dunia semasa musim pendakian musim bunga tahun ini, kata seorang pegawai pada Ahad, lapor Xinhua.

Pengarah di Jabatan

Pelancongan, Liladhar Awasthi berkata seramai 60 lelaki dan 17 wanita daripada tujuh kumpulan berbeza telah menerima permit untuk mendaki puncak dengan ketinggian 8,848.86 meter itu yang terletak di sempadan Nepal dan China.

Beliau memberitahu Xinhua bahawa lebih banyak

permohonan akan diputuskan pada Isnin.

Awasthi berkata setakat ini, seramai 273 pendaki telah dibenarkan mendaki 29 gunung di Nepal semasa musim bunga, yang bermula pada April dan berlanjut sehingga Mei. - ©BERNAMA

Korea Selatan secara tentatif tetapkan 3 Jun untuk pemilihan presiden

SEOUL, 7 April. - Kerajaan Korea Selatan secara tentatif memutuskan untuk mengadakan pilihan raya presiden pada 3 Jun untuk memilih pengganti bekas Presiden Yoon Suk Yeol, dengan tarikh itu dijangka dimuktamadkan pada mesyuarat Kabinet minggu ini.

Seorang pegawai kanan kerajaan memberitahu Agensi Berita Yonhap bahawa Pemangku Presiden Han Duck Soo dijangka memuktamadkan tarikh pilihan raya itu semasa mesyuarat Kabinet Selasa ini.

"Memandangkan kepentingan perkara itu dan pertimbangan untuk menetapkan hari pilihan raya sebagai cuti umum khas, keputusan itu akan diluluskan semasa mesyuarat Kabinet," kata pegawai itu.

Pilihan raya presiden secara sah dikehendaki diadakan dalam tempoh 60 hari selepas Mahkamah Perlembagaan memecat Yoon daripada jawatan pada Jumaat lepas berhubung percubaannya melaksanakan undang-undang tentera yang gagal.

Sekiranya jadual 3 Jun disahkan, bakal calon mesti mendaftar sebelum 11 Mei, dan tempoh kempen rasmi akan bermula pada 12 Mei.

Di bawah undang-undang pilihan raya, mana-mana penjawat awam yang berhasrat untuk bertanding jawatan presiden mesti meletakkan jawatan sekurang-kurangnya 30 hari sebelum pilihan raya, menjadikan 4 Mei tarikh akhir untuk peletakan jawatan tersebut.

Presiden baharu yang dipilih akan terus memegang jawatan sebaik sahaja keputusan pilihan raya diumumkan tanpa perlu membentuk pasukan peralihan kuasa. - ©BERNAMA

Angka korban meningkat kepada 33 akibat hujan lebat landa ibu kota DR Congo

KINSHASA, 7 April. - Sekurang-kurangnya 33 orang disahkan maut selepas hujan lebat menyebabkan banjir di Kinshasa, ibu kota Republik Demokratik Congo (DRC), menurut pihak berkuasa awal pagi Isnin, lapor Xinhua.

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri dan Keselamatan, Jacquemain Shabani berkata hujan lebat yang berlaku sepanjang malam dari Jumaat hingga Sabtu itu telah menyebabkan kerosakan besar di beberapa kawasan di ibu kota, mengakibatkan puluhan cedera dan memusnahkan banyak rumah.

Sebagai respons, kerajaan telah menubuhkan unit pengurusan krisis dengan kerjasama angkatan tentera, beberapa kementerian dan kerajaan wilayah Kinshasa bagi melaksanakan pemindahan serta menggerakkan pasukan kecemasan.

Banjir itu telah melumpuhkan sebahagian besar infrastruktur bandar berkenaan, menenggelamkan jalan utama dan menyebabkan gangguan bekalan elektrik serta air secara meluas di seluruh bandar.

Kementerian Pengangkutan melaporkan gangguan teruk di laluan masuk dan keluar dari Lapangan Terbang Antarabangsa N'djili, sehingga mendorong pihak berkuasa menggerakkan perkhidmatan feri kecemasan bagi membantu penumpang yang terkandas.

Jabatan Meteorologi meramalkan hujan lebat akan terus melanda dalam beberapa hari akan datang, sekali gus menimbulkan kebimbangan akan berlakunya lebih banyak kerosakan di bandar yang berpenduduk 17 juta orang itu.

Musim hujan di DRC lazimnya bermula dari November hingga Mei. - ©BERNAMA

Lelaki didakwa cuba buka pintu pesawat dalam penerbangan ke Sydney

SYDNEY, 7 April. - Seorang lelaki warga Jordan berusia 46 tahun didakwa pada Ahad kerana didakwa cuba membuka pintu sebuah pesawat dalam penerbangan ke Sydney serta menyerang seorang anak kapal, lapor Agensi Berita Jerman (dpa) memetik kenyataan polis Australia.

Polis Persekutuan Australia (AFP) berkata mereka mengambil tindakan pada malam Sabtu selepas lelaki itu didakwa cuba membuka pintu kecemasan bahagian belakang pesawat semasa penerbangan dari Kuala Lumpur.

Selepas beliau diiringi kembali ke tempat duduk oleh anggota kru, lelaki itu didakwa cuba membuka

satu lagi pintu kecemasan.

"Lelaki itu kemudian dihalang oleh kru dan penumpang, ketika itu dia didakwa menyerang seorang kakitangan syarikat penerbangan," menurut AFP.

Lelaki itu telah didakwa atas dua pertuduhan membahayakan keselamatan pesawat dan satu pertuduhan menyerang, yang masing-masing memperuntukkan hukuman maksimum penjara 10 tahun.

"Tindakan lelaki ini boleh mengakibatkan akibat yang tragik, dan penumpang serta kakitangan pesawat tidak sepatutnya berdepan dengan tingkah laku yang tidak terkawal, ganas atau berbahaya semasa penerbangan," kata pemangku

penguasa detektif AFP Davina Copelin.

"AFP tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan terhadap individu yang melakukan jenayah dalam pesawat, terutamanya apabila tingkah laku itu boleh membahayakan keselamatan penumpang, kru atau penerbangan itu sendiri."

Penyiar Australia ABC memegang lelaki itu sebagai memberitahu mahkamah pada Ahad bahawa lelaki berusia 46 tahun itu telah mengambil dua jenis ubat, pseudoephedrine dan pil tidur, serta meminum alkohol sebelum penerbangan, dan dia tidak mengingati insiden berkenaan. - ©BERNAMA

JEPUN HANTAR BANTUAN PERUBATAN KE MYANMAR YANG TERJEJAS GEMPA BUMI

TOKYO, 8 April. - Jepun akan menghantar pesawat Pasukan Pertahanan Diri (SDF) yang membawa ubat-ubatan dan peralatan perubatan ke Myanmar, kata Menteri Pertahanan, Gen Nakatani pada Isnin, sebagai sebahagian daripada usaha bantuan kepada negara Asia Tenggara itu selepas gempa bumi besar pada bulan lepas.

Menurut Agensi Berita Kyodo, pesawat pengangkut C-130 bersama kira-kira 20 anggota kru dan 2.5 tan barang perubatan dijadualkan berlepas dari

pangkalan SDF di Wilayah Aichi di tengah Jepun ke Myanmar pada Selasa, kata Nakatani kepada wartawan di Tokyo.

Pesawat itu dijangka tiba pada Rabu di Mandalay, bandar kedua terbesar di Myanmar, yang terletak berhampiran pusat gempa berukuran 7.7 pada skala Richter pada 28 Mac, untuk menyerahkan barang-barang tersebut kepada pasukan perubatan Jepun sebelum kembali ke Jepun, menurut Kementerian Pertahanan.

"C-130 ini akan membolehkan kami menghantar barang dan

peralatan perubatan yang diperlukan dengan lebih cepat dan pasti," kata Nakatani, sambil menambah bahawa Jepun akan terus menyokong rakyat Myanmar.

Ini akan menjadi penghantaran pertama SDF ke negara asing bagi misi bantuan sejak 2023, ketika gempa bumi kuat melanda Turkiye dan Syria yang berdekatan, menurut kementerian itu.

Keputusan untuk menghantar bantuan itu dibuat ketika kebimbangan keselamatan masih wujud walaupun selepas tentera yang memerintah Myanmar, yang

menggulingkan kerajaan yang dipilih secara demokratik dalam rampasan kuasa Februari 2021, mengumumkan gencatan senjata sementara pada Rabu dalam perang saudara dengan kumpulan minoriti etnik di tengah-tengah usaha bantuan yang berterusan.

Nakatani berkata beliau percaya SDF boleh mengangkut barang-barang itu ke Myanmar dengan selamat dan tidak berfikir keadaan tempatan semakin buruk.

Beliau juga berkata kerajaan telah mendapat kebenaran junta untuk penerbangan tersebut,



walaupun komunikasi dengan mereka adalah pada tahap paling minimum. Beliau turut menekankan bahawa Jepun kekal dengan pendirian untuk tidak mengiktiraf kesahihan rampasan kuasa tentera Myanmar.

Jumlah korban akibat gempa bumi itu telah meningkat melebihi 3,500 orang, dengan lebih 5,000 orang cedera, menurut junta. - ©BERNAMA

Mangsa banjir di Johor turun sedikit, Sabah kekal

KUALA LUMPUR, 8 April. - Keadaan banjir di Johor dan Sabah tidak jauh berubah dengan jumlah mangsa di pusat pemindahan sementara (PPS) berkurangan sedikit kepada 472 orang berbanding 481 orang, petang semalam.

Di Johor, jumlah mangsa di Batu Pahat menurun kepada 326 orang daripada 109 keluarga setakat 9 pagi ini, berbanding 334 orang daripada 110 keluarga direkodkan semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri

(JPBN) Tan Sri Dr. Azmi Rohani berkata kesemua mangsa ditempatkan di PPS Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Gading, Batu Pahat.

Mereka merupakan penduduk Kampung Baharu, Kampung Parit Bengkok, Kampung Parit Kaspan, Kampung Parit Samion, Kampung Parit Haji Salleh Ros, Kampung Parit Sri Muar, Kampung Sri Pandan dan Kampung Parit Samijan.

Rohani berkata stesen Sungai Senggarang di Senggarang, Batu Pahat dilaporkan melepas paras

amaran dengan bacaan 3.26 meter.

"Selain itu, Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) telah mengeluarkan amaran ribut petir di Pontian, Kota Tinggi dan Johor Bahru," katanya dalam kenyataan hari ini.

Di Sabah, Sekretariat JPBN dalam kenyataan memaklumkan setakat 8 pagi ini, jumlah mangsa banjir di Kinabatangan di PPS Sekolah Kebangsaan Bukit Garam kekal 146 orang daripada 31 keluarga daripada empat kampung di daerah itu. - ©BERNAMA

6 kanak-kanak di ICU ketika jangkitan E. coli merebak di Latvia

RIGA (Latvia), 8 April. - Wabak E. coli di Latvia telah menjangkiti puluhan orang, kebanyakannya kanak-kanak, dengan enam kini berada di unit rawatan rapi (ICU) Hospital Universiti Klinikal Kanak-Kanak, lapor Xinhua yang memetik laporan media tempatan pada Isnin.

Sejak wabak itu bermula, 30 kanak-kanak telah dimasukkan ke Hospital Universiti Klinikal Kanak-Kanak, dengan 14 daripadanya telah pulih dan dibenarkan keluar hospital, menurut agensi berita LETA yang memetik wakil hospital.

Secara keseluruhan, sebanyak 57 kes E. coli disahkan di negara itu termasuk tujuh kes melibatkan orang dewasa.

Posat Pencegahan dan Kawalan Penyakit (CDC) berkata pihaknya sedang menyiasat pelbagai kemungkinan punca wabak itu.

Pakar epidemiologi bekerjasama rapat dengan sekolah dan prasekolah yang terjejas serta pengamal perubatan am dalam memantau simptom usus yang serius.

Penemuan awal menunjukkan sekurang-kurangnya dua punca jangkitan.

Kementerian Kesihatan melaporkan penunjukan sampel pesakit menunjukkan terdapat pelbagai jenis bakteria daripada sumur berbeza.

CDC juga sedang berkoordinasi dengan Posat Pencegahan dan Kawalan Penyakit Eropah (ECDC) bagi memberi panduan berhubung langkah mengekang penularan penyakit.

Menurut pakar, jangkitan tersebut dipercayai bermula di institusi pendidikan. Setakat ini, tiada petunjuk bahawa jangkitan merebak di luar lingkungan tersebut. - ©BERNAMA

Sekolah ditutup dan penduduk dipindahkan ekoran letusan gunung berapi di Filipina

MANILA, 8 April. - Sebuah gunung berapi di tengah Filipina meletus pada pagi Selasa, memuntahkan kepulan abu dan serpihan serta memaksa pihak berkuasa menutup sekolah dan memindahkan penduduk berdekatan, kata pegawai, lapor agensi berita Jerman (dpa).

Letusan berlaku di kawah puncak gunung berapi Kanlaon pada 5.51 pagi (2151 GMT Isnin), menurut Institut Vulkanologi dan Seismologi Filipina (Phivolcs).

"Letusan itu menghasilkan kepulan asap tebal setinggi 4,000 meter yang bergerak ke arah barat daya," menurut agensi itu dalam satu kenyataan.

Hujan abu dilaporkan di bandar dan pekan berdekatan,

menyebabkan penutupan sekolah dan pihak berkuasa penerbangan memberi amaran kepada juruterbang untuk menjauhi kawasan itu.

Raul Fernandez, Pengarah Wilayah Pejabat Pertahanan Awam berkata pemindahan dilakukan di luar zon bahaya sejauh enam kilometer.

Pada Disember 2024, letusan Gunung Kanlaon memaksa 8,000 penduduk meninggalkan rumah mereka.

Tahap amaran gunung berapi itu pada tahap 3, yang bermaksud "tahap pergolakan gunung berapi yang tinggi".

Ketua Phivolcs Teresito Bacolcol bagaimanapun berkata tiada keperluan untuk meningkatkan

tahap amaran.

Bacolcol memberi amaran kepada penduduk untuk mengambil langkah berjaga-jaga terhadap hujan abu, yang boleh memburukkan lagi penyakit pernafasan.

"Jika anda mempunyai masalah paru-paru, gejala boleh menjadi lebih teruk kerana abu gunung berapi terdiri daripada batuan kecil yang pecah, mineral dan partikel vulkanik yang halus," katanya.

Kanlaon, gunung berapi setinggi 2,435 meter, adalah antara gunung berapi paling aktif di Filipina. Pada 1996, tiga pendaki maut berhampiran puncak apabila gunung berapi itu meletus tanpa amaran. - ©BERNAMA

EU tawar prinsip 'zero for zero' kepada AS bagi barang industri - Von Der Leyen

MOSCOW, 8 April. - Kesatuan Eropah (EU) menawarkan prinsip 'zero for zero' kepada Amerika Syarikat (AS) berhubung tarif bagi barang industri, kata Presiden Suruhanjaya Eropah, Ursula Von Der Leyen pada Isnin, lapor Sputnik/RIA Novosti.

"Kami bersedia untuk berunding dengan Amerika Syarikat, malah kami menawarkan tarif sifar untuk barang industri, seperti yang berjaya kami laksanakan dengan ramai rakan dagang lain, kerana Eropah sentiasa bersedia untuk mencapai perjanjian yang baik, maka ia kekal menjadi pilihan di meja rundingan," katanya dalam sidang media bersama Perdana Menteri Norway, Jonas Gahr Store di Brussels. - ©BERNAMA

Gelombang haba landa ibu negara India, kawasan lain

NEW DELHI, 8 April. - Beberapa minggu sebelum puncak musim panas di India, gelombang haba teruk melanda wilayah ibu negara India, Delhi dan kawasan lain di negara itu, menyebabkan pihak berkuasa mengeluarkan amaran di beberapa negeri, lapor Xinhua.

Pada Isnin, Delhi mencatatkan suhu tertinggi musim ini, dengan suhu mencecah 40.2 darjah Celsius di Safdarjung, iaitu 5.1 darjah melebihi paras normal.

Menurut Jabatan Meteorologi India (IMD), suhu maksimum di Delhi dijangka berada dalam julat 40 hingga 42 darjah Celsius.

Peningkatan suhu adalah selaras dengan ramalan gelombang haba IMD di ibu negara untuk minggu ini.

Untuk kawasan dataran, gelombang haba diisytiharkan apabila suhu maksimum melebihi 40 darjah Celsius dan sekurang-kurangnya 4.5 takuk melebihi normal.

Menandakan permulaan awal keadaan musim panas melampaui di sebahagian besar India, IMD juga memberi amaran yang kira-kira 21 bandar raya di Rajasthan, Gujarat, Odisha dan Maharashtra berkemungkinan mencatatkan suhu tinggi dalam beberapa hari akan datang.

Permulaan gelombang haba juga menyaksikan peningkatan kes strok haba di India.

Sementara itu, pihak berkuasa menasihatkan orang ramai untuk mengelakkan terdedah kepada haba dan berada di tempat yang sejuk.

Dengan kemungkinan kepanasan melampaui melanda Saurashtra dan Kutch, amaran merah dikeluarkan untuk penduduk di sana. - ©BERNAMA

Pengeluar kereta Jerman Audi hentikan sementara import ke AS - Laporan

MUNICH, 8 April. - Pengeluar kereta Jerman Audi menghentikan sementara aktiviti mengimport keretanya ke Amerika Syarikat (AS) sebagai respons kepada dasar tarif Presiden AS, Donald Trump, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Memetik memo dalaman kepada pengedar, majalah perdagangan Automobilwoche pada Isnin melaporkan yang keputusan itu terpakai kepada semua kereta yang dihantar ke pelabuhan AS selepas 2 April, apabila tarif 25 peratus ke atas kereta import berkuat kuasa.

Syarikat itu bagaimanapun masih belum mengulas mengenai laporan itu.

Audi pada masa ini mempunyai lebih 37,000 kereta dalam stok di AS yang tidak terjejas oleh duti baharu itu.

Menurut laporan itu, Audi sedang menganalisis kesan duti import ke atas perniagaannya.

Audi, yang berpangkalan di bandar Ingolstadt di selatan Jerman, adalah anak syarikat Kumpulan Volkswagen. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



ATLET NEGARA SERTAI KEJOHANAN BADMINTON BERPRESTIJ

Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei Darussalam



TIGA atlet badminton Negara Brunei Darussalam (NBD) yang akan menyertai kejohanan badminton berprestij terbesar di Asia, Bank of Ningbo Badminton Asia Championships 2025 dalam pusingan kelayakan Kategori Perseorangan Lelaki dan Beregu Lelaki yang akan bermula pada 8 April hingga 13 April.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 April. - Tiga atlet badminton Negara Brunei Darussalam (NBD) baru-baru ini, menyertai kejohanan badminton berprestij terbesar di Asia, Bank of Ningbo Badminton Asia Championships 2025 dalam pusingan kelayakan Kategori Perseorangan Lelaki dan Beregu Lelaki.

Atlet-atlet tersebut ialah Awang Mohamad Iqbal Asyraf bin Mohamad, Awang Mohd. Marhanif bin Mohd. Ali dan Kan Kah Kit serta ditemani oleh Pengurus merangkap jurulatih, Awang Muhammad Dzakwan Saifullah Sia.

Dalam pusingan kelayakan itu nanti, Kan Kah Kit ditempatkan dalam Group 'B' bersama pemain dari Viet Nam dan Sri Lanka, manakala pasangan Iqbal dan Marhanif akan bertemu pasangan dari Jepun dan Sri Lanka juga dalam Group 'B'.

Kejohanan yang akan bermula pada 8 April hingga 13 April ini dijadualkan berlangsung di Ningbo Olympic Sports Centre Gymnasium, Ningbo, China.

Justeru, berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat baylor ialah Presiden Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei Darussalam (PBKBD), Awang Mohd. Zuno Kartono Haji Ali, selaku Timbalan Pengerusi Para Badminton, Badminton Asia dan wakil para penaja, Al-Nur Boutique dan Continental Tour Brunei.

Kejohanan badminton ini juga disertai oleh pemain-pemain badminton bertaraf dunia di Asia dan ini merupakan peluang terbaik bagi atlet-atlet negara mencabar kebolehan masing-masing untuk meningkatkan mutu badminton diri sendiri dan juga standard badminton negara amnya.

Kekal aktif bersukan di bulan Syawal



MENGEKALKAN kesihatan fizikal boleh membantu membakar kalori, tingkatkan tenaga, mengurangkan stres dan meningkatkan mood.

mengekalkan rutin sihat, iaitu dengan memastikan aktiviti yang biasa dilakukan tidak terputus daripada tabiat gaya hidup sihat walaupun dalam tempoh perayaan.

Bersukan juga boleh dijadikan sebagai aktiviti santai bersama keluarga atau rakan-rakan seperti bermain badminton, berjoging, atau bermain bola sepak.

Daripada segi pemakanan pula, pastikan pengambilan makanan adalah terkawal dan seimbang dengan membanyakkan minuman air kosong, berjalan lebih sikit lepas makan dan mengelakkan duduk terlalu lama selepas makan berat.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 7 April. – Bulan Syawal memang sinonim dengan kunjungan rumah terbuka dan makanan yang banyak, tetapi kita masih boleh mengekalkan aktiviti sukan dengan cara yang santai dan menyeronokkan.

Dalam pendekatan Pelita

Brunei mengenai aktiviti bersukan semasa musim perayaan ini, beberapa perkara boleh dilakukan untuk mengekalkan kesihatan dan kecerdasan walaupun dalam suasana sibuk dan penuh juadah enak.

Antaranya ialah dengan berjalan kaki atau berjoging ringan

di taman atau kawasan riadah selepas ziarah raya; permainan sukan yang santai seperti bola tampar; futsal atau badminton bersama keluarga; senaman regangan atau yoga ringan di pagi hari sebelum bersiap raya; dan berkebun atau membersihkan halaman rumah juga boleh menjadi bentuk senaman fizikal.

Dengan mengekalkan kesihatan fizikal, ia boleh

membakar kalori berlebihan setelah menikmati juadah raya seperti rendang, lemang, dan kuih-muih yang sering tinggi lemak dan gula.

Selain itu, tingkatkan tenaga dan mood, kerana melakukan aktiviti fizikal akan melepaskan hormon endorfin yang boleh mengurangkan stres dan meningkatkan mood.

Di samping itu, kita juga perlu

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

ZIARAH-MENZIARAH MENGUKUHKAN UKHUWAH SESAMA KITA